Jabatan Antropologi dan Sosiologi
No. Kelas: 85 La
No Perolehan: T 0951
Tarikh: 13 MAR 1986

# KEMISKINAN LUAR BANDAR: MASALAH PEKERJAAN DAN PEMILIKAN TANAH. SATU KAJIAN KES DI KAMPUNG BULUH HULU, SETIU, TERENGGANU

oleh

LAILATUL AKMAR BT. MOHD. SAMAN

(NO. MATRIK 043907)

Latihan Ilmiah
Bagi memenuhi sebahagian daripada
syarat-syarat untuk Ijazah Sarjana
Muda Sastera

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

SESI 1985/86

## * PENGHARGAAN *

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Penyayang. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada mereka yang turut membantu dalam menjayakan penulisan ini.

Pertamanya, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya Cik Zaliha Hasan di atas segala tunjuk-ajar, bimbingan serta dorongannya dalam menyiapkan Latihan Ilmiah ini. Juga setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia kerja luar Encik Abdul Hadi Zakaria yang banyak membantu serta memberi "sokongan moral" semasa menjalankan kerja lapangan.

Terima kasih juga kepada Encik Ibrahim bin Awang dan isteri, Encik Daud bin Talib sekeluarga, Sdr Abdullah bin Daud, Penolong Pegawai Daerah, Penghulu, Ketua Kampung serta tidak ketinggalan kepada penduduk Kampung Buluh Hulu, Setiu, yang telah banyak memberikan kerjasama kepada saya.

Akhir sekali penghargaan ini khas ditujukan kepada rakan-rakan saya Lina, G, Husna, Chik, Fizah, Jam, AMET, Tipah, Ilah, Zal dan Mie (room-mate) atas segala pandangan, kritikan dan pertolongan yang telah dihulurkan. Tidak lupa juga kepada Encik Jasmin dan Encik Misnan di Jabatan Antorpologi dan Sosiologi yang selalu ("memberi ingatan"), Kak Sham yang telah menaip Latihan Ilmiah ini, serta semua rakan-rakan Tahun III Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.

Kepada semua, agar sentiasa dilindungi Allah (s.w.t).

Lailatul Akmar bt. Mohd. Saman,
Jabatan Antropologi dan Sosiologi,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur. 14 Februari 1986

## SINOPSIS

Kajian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang jelas mengenai fenomena kemiskinan yang terdapat di luar bandar, khususnya Kampung Buluh Hulu, Terengganu. Dalam kajian ini pengkaji memberikan tumpuan utama kepada masalah pekerjaan dan pemilikan tanah.

Dalam bab I dihuraikan tujuan kajian, bidang dan kepentingan kajian. Di samping itu juga dihuraikan kaedah-kaedah yang digunakan dalam kajian serta kesulitan-kesulitan yang dialami semasa menjalankan kajian luar.

Bab II membincangkan tentang konsep-konsep serta teori yang digunakan dalam mengenal pasti masalah kemiskinan.

Bab III pula menyentuh aspek latar belakang kajian, iaitu dari segi latar belakang kawasan dan latar belakang responden. Ini bertujuan untuk mendapatkan suatu gambaran yang jelas mengenai tempat kajian dan latar belakang sosio-ekonomi penduduk kampung.

Bab IV membincangkan pola-pola pekerjaan, ini termasuklah masalah-masalah yang dihadapi berkenaan dengan pekerjaan responden. Juga akan disentuh mengenai pekerjaan sampingan serta mobiliti kerja yang terdapat di kampung ini.

Manakala di dalam bab V pula meneliti corak pemilikan tanah di kalangan responden. Ini termasuklah pemilikan jenis-jenis kegunaan tanah dan kategori-kategori pemilik tanah di kampung ini.

Bab VI merupakan bab rumusan. Di sini disentuh juga cadangan-cadangan untuk mengatasi masalah kemiskinan di kampung ini.

KANDUNGAN


| | | Halaman |
|---|---|---|
| PENGHARGAAN | ... ... ... ... ... | i |
| SINOPSIS | ... ... ... ... ... | ii |
| KANDUNGAN | ... ... ... ... ... | iv |
| SENARAI JADUAL | ... ... ... ... | vi |
| PETA I | ... ... ... ... ... | v |
| PETA II | ... ... ... ... ... | vi |
| BAB I: PENGENALAN | ... ... ... | 1 |
| 1.1 Tujuan Kajian | ... ... ... | 1 |
| 1.2 Bidang Kajian | ... ... ... | 1 |
| 1.3 Kepentingan Kajian | ... ... ... | 4 |
| 1.4 Kaedah Kajian | ... ... ... | 5 |
| 1.5 Masalah Kajian | ... ... ... | 8 |
| BAB II: KONSEP DAN TEORI | ... ... ... | 11 |
| 2.1 Pendahuluan | ... ... ... | 11 |
| 2.2 Takrif Kemiskinan | ... ... ... | 13 |
| 2.3 Ukuran Kemiskinan | ... ... ... | 16 |
| 2.4 Punca dan Teori Kemiskinan | ... | 18 |
| 2.5 Takrif Luar Bandar | ... ... | 21 |
| BAB III: LATAR BELAKANG KAJIAN | ... ... | 25 |
| 3.1 Kawasan Kajian | ... ... ... | 26 |
| 3.2 Latar Belakang Responden | ... ... | 31 |

BAB IV: PEKERJAAN ... ... ... ... 45

4.1 Sebaran Pekerjaan ... ... ... ... 45

4.2 Pekerjaan Sampingan ... ... ... 55

4.3 Pekerjaan Isteri Responden ... ... 57

4.4 Mobiliti Kerja ... ... ... ... 58

BAB V: TANAH ... ... ... ... 63

5.1 Sebaran Pemilikan Tanah ... ... ... 64

5.2 Pemilikan Mengikut Kegunaan Tanah ... ... 69

5.3 Kategori-Kategori Pemilik Tanah ... ... 75

5.4 Sistem Sewa dan Pawah ... ... ... 80

5.5 Cara-Cara Memiliki Tanah ... ... ... 82

BAB VI: RUMUSAN ... ... ... ... 85

BIBLIOGRAFI ... ... ... ... ... 92

LAMPIRAN CONTOH BORANG SOAL-SELIDIK

SENARAI JADUAL


| | | Halaman |
|---|---|---|
| Jadual 1: | Umur Responden (Ketua Keluarga) | 31 |
| Jadual 2: | Tahap Pelajaran Bagi 50 Responden | 33 |
| Jadual 3: | Tahap Pelajaran Isteri Responden | 34 |
| Jadual 4: | Sektor Pekerjaan Bagi 50 Responden | 35 |
| Jadual 5: | Pendapatan Bulanan 50 Responden | 36 |
| Jadual 6: | Pekerjaan Isteri REsponden | 37 |
| Jadual 7: | Perbelanjaan Isirumah Responden Sebulan | 38 |
| Jadual 8: | Jumlah Isirumah/Tanggungan | 39 |
| Jadual 9: | Taburan Pemilikan Tanah Di Kalangan 50 Responden | 41 |
| Jadual 10: | Simpanan Responden | 42 |
| Jadual 11: | Pemilikan Harta Responden | 44 |
| Jadual 12: | Pola Pekerjaan Bagi 50 Responden | 47 |
| Jadual 13: | Pekerjaan Dan Tahap Pelajaran Responden | 54 |
| Jadual 14: | Pola Pekerjaan Sampingan | 55 |
| Jadual 15: | Jenis Pekerjaan Dahulu Yang Dilakukan Oleh Responden | 59 |
| Jadual 16: | Alasan Meninggalkan/Menukar Pekerjaan | 60 |
| Jadual 17: | Sebaran Pemilikan Tanah Mengikut Sektor Pekerjaan | 65 |
| Jadual 18: | Pemilikan Tanah Pertanian Di Kalangan 50 Responden | 67 |
| Jadual 19: | Keluasan Tanah Padi Di Kalangan Responden | 70 |
| Jadual 20: | Pemilikan Tanah Getah Di Kalangan Responden | 72 |
| Jadual 21: | Pemilikan Tanah Kebun Di Kalangan Responden | 73 |
| Jadual 22: | Pemilikan Tanah Tapak Rumah Di Kalangan Responden | 74 |
| Jadual 23: | Kategori-Kategori Pemilik Serta Keluasan Tanah Yang Dimiliki | 76 |


*** Sumber jadual-jadual di atas adalah dari soal-selidik.



PETA HITUNGAN-KILOMETER JALAN R
TERENGGANU
Skala: 1:600.000
10 8 6 4 2 0 10 20 30 40
Hakcipta Kerajaan Terpelihara Kebenaran Pengarah Pemetaan Negara, Malaysia, wajib didapati sebelum peta ini atau sebahagian daripadanya disalin.
PETA I
PETA KEDUDUKAN KAWASAN KAJIAN DI NEGERI TERENGGANU.
LAUT CHINA SELATAN
P. Redang
P. Bidong Laut
P. Kapas
KELANTAN
BESUT
KUALA TERENGGANU
HULU TERENGGANU
MARANG
TAMAN NEGARA
Kg. Buluh
Kg. Raja
Kg. Peng Teras
Alur Lintah
Jerteh
Kg. Tembila
Kg. Beting Lintang
Kg. Kerandang
Kg. Apal Tua
Kg. Darau
Kg. Jabi
Kg. Renek
Kg. Tok Dor
Kg. Pasir Akar
Kg. Bintang
Kg. Fikri
Kg. Mangkok
Kg. Guntung
Kg. Penarek
Kg. Teluk
Kg. Lao
Kg. Keruak
Kg. Padang
Kg. Rahmat
Kg. Merang
Kg. Ru Tapai
Batu Rakit
Kg. S. Bari
Kg. Langkap
Kg. S. Tong
Kg. Pdg (Maras
Kg. Lingai
Wakaf Mesira
Kubang Badak
Lapangan Terbang
Kg. Bt. Tok Beng
Kg. Seberang Takir
Kg. Gemuruh
Tepuh
Kg. S. Ikan
Kg. Banggul Nyior
Kg. Tekah
Kg. Manir
KUALA TERENGGANU
Kg. Cenering
Kg. Tens
Kg. K. Jeneris
Kg. K. Telemung
Kg. P. Manis
Bukit Payung
Marang
Kg. Kuala Ping
Kg. Terengkawang
Kg. Matang
Kg. Bt. Sawa
Wakaf Tapai
Tunggul
Kg. P. Kerengga
Kg. Beris
Kg. Bt. Leban
Kg. Tajin
Kg. Gaung
Kuala Berang
Ajil
Kg. Tapah
Kg. Jenagur
Kg. Mercang
Kg. Pela
Kg. Peng. Ajal
Kg. Pasir Nyior
Kg. Sekayu
Kg. Rantau Abang
Kg. Jerangau
Kg. Wa
Kg. Tepus
Kg. Pdg Pulut
Bandar Bukit Besi
Kg. Binjai
Dungun
Kg. Cerung Beris
Kg. Durian Mentangau




PETA II

PETA LAKAR: KAMPUNG KAJIAN.

## BAB I

## PENGENALAN

Gejala kemiskinan merupakan satu fenomena sosial yang dihadapi oleh sejumlah besar masyarakat di seluruh dunia, sama ada di negara-negara kurang maju mahupun negara yang maju. Namun begitu gejala ini lebih dirasakan oleh negara kurang maju yang juga digolongkan sebagai negara-negara Dunia Ketiga.

Kemiskinan yang wujud di negara Dunia Ketiga ini lebih tertumpu kepada sektor luar bandar. Tetapi ini tidak pula bermakna fenomena ini tidak wujud di bandar-bandar. Ia ada, cuma kadarnya sahaja yang berbeza-beza.

Di luar bandar sebahagian besar penduduknya terlibat dengan aktiviti pertanian yang mendatangkan pendapatan yang kecil dan dikatakan ketinggalan untuk mendapatkan kemudahan dan teknologi baru untuk membangun. Ini dikatakan sebagai punca kemiskinan yang utama.

### 1.1 Tujuan Kajian

Di negara kita, masalah kemiskinan di kalangan penduduk luar bandar mendapat perhatian utama dari pihak kerajaan. Ini kerana sektor luar bandar merupakan sektor yang mengalami kadar kemiskinan yang tinggi. Oleh itu berbagai polisi dan program telah disusun bagi tujuan membasmi kemiskinan di luar bandar, tetapi kejayaannya masih

belum memuaskan dan gejala ini masih lagi berleluasa hingga ke hari ini.

Dengan itu, tujuan utama kajian ini adalah untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang fenomena kemiskinan di kalangan penduduk luar bandar, khususnya penduduk Kampung Buluh Hulu, Terengganu.

Masalah kemiskinan yang wujud adalah amat berkait rapat dengan agihan pendapatan yang diperolehi oleh seseorang individu bagi menampung keperluan hidup. Maka ianya bergantung pula kepada jenis pekerjaan yang dilakukan oleh individu tersebut.

Di samping itu juga, bagi penduduk di luar bandar, tanah merupakan faktor pengeluaran yang yang utama. Oleh itu jenis pekerjaan dan pemilikan tanah penting dikaji untuk melihat keadaan kemiskinan di kalangan penduduk luar bandar.

Di sini, tujuan kajian ini adalah untuk menghuraikan keadaan kemiskinan di kalangan penduduk luar bandar dengan memberi tumpuan kepada persoalan pekerjaan dan pemilikan tanah.

## 1.2 Bidang Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian kes di Kampung Buluh Hulu, Setiu, Trengganu. Golongan yang terlibat dalam kajian ialah orang-orang di kampung tersebut yang menjalankan berbagai-bagai aktiviti

ekonomi sama ada di sektor pertanian mahupun di sektor bukan pertanian untuk melihat masalah kemiskinan di kampung ini pengkaji akan memberi tumpuan khusus kepada masalah pekerjaan dan pemilikan tanah. Ini memandangkan kedua-dua faktor ini mempunyai kaitan rapat dengan keadaan sosio-ekonomi penduduk kampung tersebut.

Dari segi pekerjaan, perbincangan ini akan menyentuh pola-pola pekerjaan penduduk kampung tersebut. Dalam konteks ini pengkaji akan melihat jenis-jenis pekerjaan di kedua-dua sektor iaitu pertanian dan bukan pertanian. Pola-pola pekerjaan ini pula akan dikaitkan dengan jumlah pendapatan penduduk ini.

Selain dari itu, pengkaji juga ingin melihat kaitan antara jenis pekerjaan dengan tahap pelajaran yang dicapai oleh responden. Dan sama ada tingkat pelajaran boleh menentukan bidang pekerjaan yang diceburi oleh seseorang dan juga sama ada ia memberi kesan atau tidak ke atas pendapatan mereka.

Tumpuan juga diberikan kepada pemilikan tanah dan pengkaji akan cuba meneliti sejauh manakah pemilikan di kalangan penduduk di kampung ini mempengaruhi jenis-jenis pekerjaan yang mereka lakukan.

Berhubung dengan pemilikan tanah ini, akan dihuraikan sebaran pemilikan tanah dan bagaimana seseorang itu mendapatkan

tanah sama ada secara belian, diwarisi atau diteroka atau ada cara-cara lain. Seterusnya akan ditinjau juga sistem-sistem yang terlibat dengan pengerjaan tanah seperti sewa dan pawah.

Perbincangan mengenai masalah ini juga dilihat dari sudut latar belakang sosio-ekonomi responden, seperti perbelanjaan keluarga, pemilikan harta, simpanan tabungan dan sebagainya.

1.3 Kepentingan Kajian

Memandangkan kemiskinan merupakan masalah besar yang dihadapi oleh negara kita hari ini, maka adalah diharapkan kajian ini akan menambahkan lagi maklumat mengenai fenomena kemiskinan di luar bandar.

Di samping itu perlu dinyatakan juga bahawa penyelidikan yang dijalankan di kampung ini merupakan salah sebuah kampung yang dipilih dalam projek "Kajian Kemiskinan Di Malaysia" yang diselenggarakan oleh Institut Pengajian Tinggi (IPT) Universiti Malaya. Projek ini melibatkan beberapa buah kawasan di seluruh Semenanjung Malaysia dalam usaha IPT untuk mendapatkan seberapa banyak maklumat mengenai kemiskinan secara lebih menyeluruh.

Selain dari itu, bidang kajian yang memberi tumpuan terhadap aspek pekerjaan dan pemilikan tanah akan dapat memberi huraian bagaimana pentingnya kedua faktor ini kepada masalah kemiskinan di-luar bandar.

Kajian ini juga boleh digunakan oleh pengkaji-pengkaji yang melakukan kajian di tempat yang sama sebagai kajian perbandingan di masa akan datang. Ini memandangkan, kampung ini sedang dibangunkan untuk menjadi bandar baru iaitu sebagai pusat pentadbiran Daerah Setiu, Terengganu.

1.4 Metod Kajian

Kaedah atau metod kajian adalah cara bagaimana seseorang pengkaji memperolehi data-data yang diperlukan yang berkaitan dengan tujuan kajian yang dilakukan. Sebelum pungutan data dilakukan pengkaji perlu memilih satu sampel kajian.

Pemilihan Sampling/Responden

Kajian ini telah dijalankan di Kampung Buluh Hulu, Trengganu. Untuk tujuan ini satu sampel seramai 50 orang ketua keluarga telah dipilih. Pemilihan ini dilakukan secara 'systematic sampling'.

Langkah pertama yang diambil ialah pengkaji telah menyenaraikan seramai 150 orang ketua keluarga. Dari senarai ini pengkaji memilih seramai 50 ketua keluarga berdasarkan pemilihan responden pertama dari nombor 3. Ini diikuti seterusnya seperti berikut, 3, 6, 9, 12... hingga terdapat satu sampel seramai 50 orang yang dapat mewakili keseluruhan penduduk tersebut.

Untuk mendapatkan maklumat-maklumat melalui pungutan data, pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah. Di antaranya:

1. Soal-Selidik

Di sini pengkaji menggunakan satu set borang soal-selidik bagi setiap responden. Borang soal-selidik telah disediakan oleh pihak Institut Pengajian Tinggi, ini kerana seperti yang telah dinyatakan di peringkat awal, kajian ini juga merupakan projek kajian kemiskinan yang dibuat oleh pihak tersebut.

Satu set borang soal-selidik ini mengandungi 20 halaman. Soalan-soalan yang terkandung di dalamnya merangkumi berbagai aspek seperti maklumat mengenai isi rumah, juga maklumat-maklumat dari dari ekonomi, politik dan sosial. Soalan-soalan yang dikemukakan kepada responden adalah berdasarkan kepada borang-selidik dan pengkaji mencatitkan sendiri jawapan yang diberi oleh setiap responden.

2. Interview

(i) Tidak Formal

Cara ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat tambahan selain dari yang terdapat di dalam borang soal-selidik. Ini dilakukan melalui perbualan secara tidak langsung dengan responden mengenai sesuatu perkara. Cara ini juga membantu pengkaji untuk

mendapatkan maklumat-maklumat yang menyentuh sikap, perasaan atau isi hati mereka. Kaedah ini membolehkan responden memberi pendapat dan pandangan mereka dengan lebih bebas. Dan dengan secara tidak langsung pengkaji boleh menggunakannya untuk membuat satu 'cross-checking' terhadap soalan-soalan yang dijawabnya dalam soal-selidik.

(ii) Formal

Di sini, pengkaji terlebih dahulu menyediakan beberapa rangka soalan untuk satu-satu maklumat yang diingini dan pertanyaan, adalah didasarkan kepada soalan-soaaln yang disediakan. Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan maklumat dari orang-orang dan pihak-pihak tertentu seperti pihak Risda, Jabatan Pertanian, Pegawai Daerah, Ketua Kampung, Guru Besar dan sebagainya.

3. Pemerhatian

Pengkaji telah tinggal menetap di kampung ini selama sebulan. Dengan cara ini pengkaji dapat melihat sendiri keadaan sebenar tempat tersebut. Cara ini dapat menguji kebenaran jawapan yang diterima dari responden.

Dengan melihat dan merasa sendiri keadaan tempat kajian, pengkaji boleh membuat penilàian sendiri tentang apa yang dialami oleh responden-responden.

Responden juga kebanyakannya tidak memberikan jawpaan yang tepat terhadap soalan yang dikemukakan. Sebagai contoh jenis pekerjaan, hanya 'kerja kampung', kerja sendiri dan sebagainya. Begitu dengan soalan yang menyentuh tentang pendapatan, perbelanjaan dan simpanan, keseluruhannya responden memberikan jawapan 'agak-agak' dan 'lebih kurang'. Ini mungkin disebabkan mereka sengaja tidak mahu memberikan jawapan yang tepat ataupun mereka sememangnya tidak mengira jumlah yang sebenarnya.

Selain dari itu, tidak kurang juga responden yang menjawab 'tidak tahu' kepada persoalan-persoalan lain yang dikemukakan. Dalam hal ini setakat yang boleh, pengkaji cuba menerangkan dengan bahasa yang lebih mudah difahami oleh mereka ataupun secara 'indirect' bagi mendapatkan jawapan mereka. Dengan masalah-masalah ini sukar bagi pengkaji untuk mendapatkan jawapan yang benar-benar tepat.

2. Memandangkan pengkaji bukan 'orang tempatan' kampung tersebut, maka pengkaji pada peringkat awal menghadapi masalah untuk menyesuaikan diri dengan temapt tersebut dan yang lebih pentingnya ialah untuk menyesuaikan diri dengan penduduk-penduduk kampung tersebut. Dalam masa yang singkat ini adalah tidak mungkin pengkaji dapat berkenalan rapat dengan semua penduduk kampung. Oleh yang demikian ada juga responden yang tidak memberikan kerjasama langsung.

Sebagai 'orang luar' dialek bahasa yang berbeza juga kadang-kadang menjadi masalah. Ini menyebabkan perbualan tidak

# BAB II

# KONSEP DAN TEORI

## 2.1 Pendahuluan

Walaupun fenomena kemiskinan wujud tidak mengira tempat sama ada di bandar mahupun di luar bandar namun di Malaysia gejala ini lebih tertumpu di kawasan luar bandar. Oleh kerana itu dasar dan polisi kerajaan terhadap pembangunan lebih mengutamakan pembangunan di kawasan luar bandar.

Mengikut data rasmi kerajaan[1], peratusan isirumah yang miskin di luar bandar pada tahun 1975 ialah 87.4% berbanding dengan isi rumah miskin di bandar hanya sebanyak 10.6% manakala dalam tahun 1980 peratus isi rumah miskin bagi luar bandar ialah 84.2% dan di bandar pula sebanyak 15.8%. Dari angka-angka ini jelas menunjukkan bahawa kadar kemiskinan yang tinggi adalah di kawasan luar bandar.

Kadar kemiskinan yang tinggi di luar bandar adalah berhubungan rapat dengan bidang pekerjaan di sektor luar bandar iaitu bidang pertanian dan pekerjaan lain yang mempunyai pendapatan yang sedikit.

Kemiskinan di sektor pertanian selalu dikaitkan dengan faktor pengeluaran yang rendah, penggunaan tanah yang tidak 'efficient'

---

1 Rancangan Malaysia Keempat, 1981-1985.

tanah pertanian yang kurang subur, penggunaan modal yang sedikit, kurang pengetahuan tentang teknik pengeluaran, penindasan orang tengah dan sebagainya.

Apabila membicarakan tentang kemiskinan luar bandar, kita sebenarnya membincangkan kemiskinan orang-orang Melayu. Ini kerana orang Melayu adalah golongan majoriti yang mendiami kawasan laur bandar.

Banyak kajian telah dilakukan oleh sarjana-sarjana tempatan mengenai kemiskinan di kalangan masyarakat Melayu luar bandar. Kajian - kajian ini cuba memeriksa punca kemiskinan di kalangan orang Melayu luar bandar.

Prof. Ungku Aziz, mengemukakan 3 faktor yang menyebabkan berlakunya kemiskinan di kalangan orang-orang Melayu[2] iaitu pengeluaran yang rendah - ini dilihat dari segi pulangan wang atau upah yang rendah berbanding dengan tenaga yang telah dihabiskan atau digunakan.

Faktor kedua ialah eksploitasi. Petani luar bandar dieksploitasi melalui sistem sewa yang tinggi dan kadar faedah yang tinggi terhadap pinjaman di samping harga tinggi yang terpaksa untuk barang-barang keperluan dan input-input pertanian yang lain.

---

2 Ungku Aziz, Facts and Fallacies in Malay Economy, dalam Ekonomi, vol. 3, no. 1, Dis 1962, hal. 1-5.

Faktor yang akhir ialah kehidupan yang 'terbiar' (neglect). Masyarakat luar bandar menurut beliau, tidak dihiraukan oleh golongan cerdik pandai dan juga pihak kerajaan seperti dalam memberi kemudahan-kemudahan kredit dan subsidi dan juga lain-lain kemudahan.

Hingga ke hari ini masalah kemiskinan di luar bandar masih belum dapat diatasi sepenuhnya walaupun berbagai langkah telah diambil oleh pihak kerajaan dalam usaha membantu golongan ini.

Menurut dasar pembangunan kerajaan, satu cara untuk mengatasi kemiskinan ialah dengan cara menyediakan peluang-peluang pekerjaan yang secukupnya. Sementara pembangunan di bidang pertanian dipergiatkan untuk menambahkan pendapatan para petani.

Untuk memahami masalah kemiskinan ini dengan lebih mendalam lagi adalah lebih baik jika diberikan dahulu makna kemiskinan.

## 2.2 Takrif Kemiskinan

Terdapat berbagai-bagai takrif yang diberikan untuk mendefinasikan kemiskinan. Biasanya ia selalu diertikan sebagai keadaan di mana terdapatnya kekurangan mendapatkan keperluan dan kehendak tertentu di dalam kehidupan. Menurut Syed Husin Ali, kemiskinan merupakan satu keadaan di mana;

(a) Wujud kekurangan mendapatkan keperluan asasi, iaitu makanan, perumahan, pakaian serta kemudahan sosial seperti air, letrik, hospital serta sekolah.

(b) Dari segi ekonomi, kemiskinan wujud akibat ketiadaan atau kurang kemampuan disebabkan tingkat pendapatan, pemilikan dan pekerjaan yang rendah.

(c) Dari segi sosial, golongan yang dikatakan miskin itu menduduki lapisan bawahan dalam sistem susunlapis masyarakat.[3]

Fenomena kemiskinan itu tidak dilihat dalam konteks ekonomi semata-mata, International Encyclopedia of social science, mendefinasikan kemiskinan sebagai,

> "... not merely economic inequality (of poverty, income living standard etc.) but also social inequality, that is a relation of inferiority, dependence or exploitation. (1968 : 398)

Di dalam kertas kerja kemiskinan luar bandar di Alor Star, 21-23 April 1983, Kamal Salih dari Universiti Sains Malaysia memberi erti kemiskinan sebagai mereka yang termasuk dalam:

(a) Golongan yang tidak mempunyai keupayaan pendapatan

(b) Golongan yang tidak mempunyai 'access' kepada sumber-sumber kuasa sosial (kuasa suara, kuasa politik, milikan punca-punca keluaran, pendidikan dan sebagainya).

---

3 Syed Husin Ali, Punca Kemiskinan, dalam: Rencana Pilihan Nadi Insan, Masalah sosio-ekonomi Malaysia, 1984. hal. 5.

(c) Golongan yang tidak menikmati keperluan asas (perlindungan, pemakanan, pendidikan asas, kesihatan, pekerjaan dan sebagainya) yang mencukupi mengikut ukuran sarahidup sesuatu masyarakat (bandar atau luar bandar).

Seterusnya beliau memberikan beberapa ciri kemiskinan antaranya ialah:

(1) keberterancam (vulnerability). Golongan miskin mudah ditimpa malapetaka. Kehidupan mereka tidak stabil dan tidak tentu arah, iaitu kesan daripada gejala seperti inflasi, banjir, dibuang kerja dan sebagainya.

(2) Pilihan yang terhad (limited option). Golongan miskin tidak mempunyai pilihan-pilihan hidup (pilihan kerja, pelajaran anak-anak, keseronokan hidup, makan minum dan sebagainya) yang luas berbanding dengan golongan yang lebih berada.

(3) Access terhad (limited access). Golongan miskin ditekan oleh kedudukan mereka yang melemahkan semangat jayadiri oleh sebab tidak berkuasa, tidak mempunyai cagar kuasa seperti pemilikan tanah, atau harta lain termasuk pelajaran yang boleh memberikan kuasa kepada pemilik untuk mendapatkan lain-lain faedah dalam masyarakat dan ekonomi untuk digunakan bagi mengubah keadaannya.

Dari takrif yang diberikan ini, kemiskinan meliputi kekurangan dari segi ekonomi dan juga sosial. Kekurangan dari segi kemampuan untuk

memenuhi keperluan hidup adalah berhubungan dengan pendapatan yang diperolehi oleh seseorang itu. Menurut Benjamin Seebohm Rowntree,

> "My poverty line represented the minimum sum of which physcial efficiency could be maintained. It was standard bare subsistance rather than living..." (1941, hal: 102)

Pendapatan yang rendah menyebabkan seseorang itu tidak dapat memenuhi keperluan asas ayng sepatutnya dinikmati. Oleh itu mereka ini berada di dalam keadaan miskin.

Dan Prof. Ungku Aziz pula menjelaskan:,

> "Poverty is a relative notion, based on material inequality.
> Poverty arises because of inequality in the distribution of income and inequality in the distribution of wealth." (1964, hal: 75)

Dari takrif-takrif ini dpaat dirumuskan bahawa kemiskinan itu adalah berhubung dengan soal kekurangan untuk memperolehi keperluan hidup. Ini dijelmakan dari kekurangan dari segi ekonomi dan sosial.

## 2.3 Ukuran Kemiskinan

Kemiskinan boleh diukur melalui dua cara, iaitu pengukuran secara mutlak dan secara perbandingan.

Pengukuran secara mutlak adalah menggunakan penentuan garis kemiskinan. Ianya didasarkan kepada pendapatan yang ditentukan mengikut jumlah tertentu. Mereka yang tergolong di bawah garis

kemiskinan yang ditentukan ini dengan sendiri tergolong di dalam kategori miskin. Melalui kaedah ini, garis kemiskinan yang ditetapkan mestilah sesuai dengan taraf hidup sesuatu tempat itu. Ini kerana jika dibandingkan tingkat pendapatan purata bagi negara-negara maju adalah berbeza dengan negara-negara yang kurang maju. Jumlah pendapatan yang dikategorikan sebagia miskin bagi sesebuah negara yang maju mungkin merupakan kategori pendpaatan tinggi bagi negara yang kurang maju. Oleh kerana garis kemiskinan itu ditentukan mengikut taraf hidup dalam negara, maka garis kemiskinan ini sentiasa pula mengalami perubahan. Misalnya di Malaysia garis kemiskinan yang pernah diberikan adalah seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| 1978 | - | $250 |
| 1979 | - | $259 |
| 1980 | - | $270 |
| 1981 | - | $300 |
| 1982 | - | $322.30 |
| 1983 | - | $ - |
| 1984 | - | $375 |

Sumber: Abu Asmara Hj. Mohamed, Institut Penyelidikan Getah Malaysia dalam seminar mengenai kemiskinan di Alor Star, 1983.

Sementara itu, Syed Othman Al-Habshi pula memberikan garis kemiskinan bagi tahun 1985 ialah sebanyak $380 (sumber: Majalah Generasi, April 1985).

Memandangkan adanya kerumitan yang timbul dalam kaedah secara mutlak ini, seperti masalah untuk menentukan tingkat pendapatan

untuk menyara kehidupan, kekurangan ini menyebabkan mereka hidup dalam kemiskinan.

Mereka ini juga mempunyai keupayaan yang terhad dari segi pemilikan modal dan tanah dan lain-lain punca pengeluaran. Selain dari itu mereka juga mempunyai keupayaan yang terhad dari segi kepakaran, teknologi dan pelajaran.

Bidang sosiologi tidak melihat punca kemiskinan dari aspek ekonomi sahaja. Oleh kerana disiplin ini mengkaji manusia dan masyarakat maka ia melihat aspek struktur dalaman sesebuah masyarakat.

Syed Husin Ali yang melihat kemiskinan di Malaysia dari perspektif ini mengatakan, pemilikan, pekerjaan dan pendapatan merupakan 3 faktor yang saling berhubung-kait. Pemilikan terdiri dari modal dan harta dalam berbagai bentuk. Tanah merupakan pemilikan yang penting. Ini adalah kerana perbezaan dalam pemilikan tanah akan menimbulkan perbezaan pendapatan dan perbezaan pekerjaan, kaitan antara ketiga-tiga aspek ini mewujudkan pula perbezaan-perbezaan dari segi kedudukan ekonomi. Dengan ini terdapat kedudukan tinggi, rendah dalam masyarakat. Golongan atasan mempunyai keupayaan untuk mengumpul atau menambahkan pemilikan, maka di sini berlaku penumpuan hak milik. Ketidak seimbangan dalam pemilikan ini menyebabkan ramai yang tidak memiliki tanah. Sementara bagi mereka yang mempunyai tanah kebanyakannya memiliki dibawah saiz yang dianggap ekonomik. Kedua-dua golongan ini merupakan kumpulan yang hidup dalam kemiskinan kerana tidak dapat menghasilkan

Seterusnya petani tidak dapat menyimpan. Mereka hanya dapat menyimpan untuk keperluan makanan sahaja simpanan yang sedikit menyebabkan mereka mempunyai kuasa beli yang rendah. Dengan kuasa beli yang rendah ini pula, akan membawa semula kepada masalah pengeluaran yang rendah kerana tidak mampu untuk membeli peralatan yang diperlukan untuk meningkatkan daya pengeluaran.

2.5 Takrif Luar Bandar

Terdapat kesukaran dalam memberikan takrif luar bandar. Selalunya istilah luar bandar dikaitkan dengan bandar. Dalam membuat penentuan antara kawasan yang dikatakan luar bandar timbul kesulitan apabila ianya didasarkan kepada jumlah penduduk bagi satu-satu kawasan. Ini kerana, jumlah penduduk bagi satu kawasan yang dianggap sebagai luar bandar di Amerika misalnya adalah begitu tinggi jumlahnya untuk luar bandar di Malaysia. Sama seperti penentuan garis kemiskinan, penentuan penduduk secara kuantitatif ini berbeza dari satu tempat ke satu tempat dan sering berubah. Di Malaysia Banci Penduduk tahun 1970, menentukan kawasan bandar mengandungi penduduk 10,000 orang ke atas sebagai kawasan bandar.

Dengan masalah ini, ahli-ahli sosiologi cuba memberikan definisi yang agak universal kepada kawasan yang dikatakan luar bandar.

Ahli-ahli sosiologi terutamanya mereka yang mengkaji 'Rural Sociology' merujuk luar bandar sebagai kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk rendah, kecil dari segi saiz kawasan dan terpencil. Ekonomi luar bandar dikatakan berasas kepada ekonomi pertanian, dan mempunyai cara hidup yang homogeneous.[4]

Melalui takrif ini, terdapat 3 aspek substantive mengenai luar bandar, iaitu:

1) Aspek persekitaran

Ini merujuk kepada bilangan penduduk yangkecil atau kepadatan yang rendah. Dan juga luar bandar sebagai kawasan yang terpencil/'isolated'.

2) Aspek pekerjaan

Penduduk luar bandar merujuk epada orang-orang yang terlibat dengan ekonomi pertanian sebagai pekerjaan yang utama. Pekerjaan lain pula mempunyai kepentingan sampingan.

3) Aspek sosio-budaya

Di sini luar bandar digambarkan sebagaibercorak tradisional, lambat menerima perubahan, masyarakat

---

4 Robert C. Bealer, F.K. Willits and William P. Kuvlesley, The Meaning of 'Rurality' in American Society: Some Implications of Alternative Definitions, Journal Rural Sociology, Vol. 30, 1965, hal. 255.

yang seragam, mempunyai semangat kedaerahan, mempunyai sedikit stratafikasi sosial, pengkhususan tenaga yang minima dan perhubungan ahli masyarakat adalah bercorak 'primary'.

Selain dari itu ada percubaan mengklasifikasikan luar bandar mengikut social-type'[5]

1) Social-type salariat

Ini adalah golongan yang bekerja di pejabat-pejabat pentadbiran kerajaan dan swasta. Termasuk juga dalam golongan ini ialah pekerja luar bandar yang mengandungi buruh migrant.

2) Social-type bukan salariat.

Golongan ini terbahagi kepada 4 kumpulan:

i. Golongan primitif

Mereka bersendikan mode pengeluaran primitif dan tenaga buruh bercorak kolektif.

ii. Golongan petani

Tergolong dalam mereka yang mempunyai sekil pengeluaran yang kecil dan terhad. Pengeluaran

---

5 Dahlan H.M., 'Klasifikasi Luar Bandar Dari Perspektif Sosio-Budaya', Journal Antropologi dan Sosiologi, Jilid 9, 1981, hal. 61-66.

adalah untuk sendiri, mereka ini termasuklah pesawah, penoreh getah, pekebun kelapa, nelayan, pekedai tani, peraih, tukang rumah dan sebagainya

iii. Golongan peladang

Golongan ini sama seperti golongan (ii) di atas tetapi berbeza dari segi mode pengeluaran tenaga buruh. Mereka tidak lagi bergantung kepada tenaga buruh isi rumah, dan mereka mempunyai ladang besar dan penumpuan kepada pengeluaran untuk komersial.

iv. Golongan usahawan

Golongan ini muncul sebagai tuan tanah kaya/ taukeh di peringkat kampung. Mereka merupakan kelas pemodal yang membuat pelaburan dalam teknologi, kredit, pengangkutan dan perkhidmatan yang diperlukan dalam mode pengeluaran tani.

Bagi Kampung Buluh, di mana kajian ini diajalankan, didapati ia sedikit sebanyak menepati takrif dan ciri-ciri luar bandar. Antaranya, dari segi bilangan penduduk yang hanya berjumlah 1,235 orang pada tahun 1983 (sumber: Ketua Kampung, Kampung Buluh). Dari segi bidang pekerjaan penduduk kampung ini juga menjalankan kerja-kerja pertanian di samping kerja-kerja lain yang termasuk dalam kategori social-type salariat (rujuk Jadual 12 yang menunjukkan pola-pola pekerjaan penduduk ini.)

# BAB III

# LATAR BELAKANG KAJIAN

## 3.1 Kawasan Kajian

Kampung yang terlibat dalam kajian ini ialah Kampung Buluh Hulu di negeri Trengganu. Kampung ini dulunya terletak di dalam Daerah Besut, tetapi kini ianya dimasukkan ke dalam daerah baru iaitu Daerah Setiu yang telah diisytiharkan pada 1 Januari 1985 yang lalu.

Merujuk kepada peta Trengganu yang disertakan, kampung ini dihubungkan ke Kuala Trengganu di selatan yang jauhnya 42 batu dari kampung ini dan bandar Jertih di utaranya sejauh 20 batu. Ini bermakna kedudukan kampung ini adalah antara perjalanan dari Kuala Trengganu ke Jertih. Kampung ini terletak di dalam mukim Hulu Setiu.

Tidak dapat dipastikan bila tarikh kampung ini ditubuhkan. Namun begitu menurut cerita orang-orang tua di sini kampung ini telah wujud sejak zaman menghantar ufti bunga emas ke Siam lagi. Pada ketika ini kampung ini ditadbir oleh seorang penghulu. Menurutnya lagi kampung ini mula diteroka oleh beberapa keluarga sahaja, kemudian berkembang menjadi sebuah perkampungan sehinggalah terdapat beberapa kampung gabungan yang lain.

Asal-usul kampung ini diberi nama Kampung Buluh, berdasarkan nama pokok buluh yang dijumpai di pinggir Sungai Setiu. Pokok ini dianggap luar biasa kerana saiznya yang besar iaitu sebesar 'gantang' (sejenis alat penyukat). Pokok tersebut telah dijumpai oleh orang yang mula-mula meneroka kawasan ini dan kemudian menamakannya Kampung Buluh.

Sebenarnya Kampung Buluh terbahagi kepada dua bahagian iaitu Kampung Buluh Hulu dan Kampung Buluh Hilir (sila rujuk kepada peta lakar yang dilampirkan). Pemisahan ini dilakukan oleh pihak pentadbir bagi memudahkan pentadbiran sahaja. Pada hakikatnya penduduk kampung ini menganggap mereka adalah di dalam satu kampung iaitu Kampung Buluh. Pemisahan sempadan bagi kedua-dua kampung ini ialah jalanraya yang merentangi kampung ini. Di sini pengkaji hanya menumpukan kajian kepada Kampung Buluh sahaja.

Berdasarkan kepada peta lakar, dapat kita lihat bahawa Kampung Buluh Hulu ini pula terdiri dari beberapa buah kampung gabungan. Antaranya Kampung Apek, Kampung Bukit Pelong, Kampung Bukit Pepari, Kampung Che' Long, Kampung Balik Bukit dan Kampung Pak Kancil.

Sebenarnya tidak ada sempadan yang jelas memisahkan antara sebuah kampung dengan sebuah kampung yang lain ia boleh dipisahkan oleh sebatang sungai, alur ataupun masjid dan juga kawasan hutan. Namun begitu, walaupun kedudukan kampung-kampung seolah-olah ter-

pisah tetapi komuniti kampung ini merasakan mereka adalah dalam satu komuniti yang sama.

Kampung ini disaliri oleh sungai-sungai seperti Sungai Setiu, (sebagai sungai utama), Sungai Terong, Sungai Pelong dan Sungai Apek yang mengalir ke arah timur. Apabila musim banjir, Sungai Setiu akan dinaikki air. Menurut cerita penduduk di sini setiap tahun kampung ini akan dilanda banjir.

Penempatan di kampung ini dibina sepanjang jalan raya dan di pinggir sungai dan terdapat pula beberapa bahagian yang berkelompok. Di samping itu juga terdapat kawasan kediaman yang berpusat di pekan kecil iaitu Pekan Kecil Kampung Buluh. Pekan ini terdiri dari beberapa buah kedai yang juga merupakan rumah sebagai tempat tinggal.

Dari segi kemudahan asas yang terdapat di kampung ini ke semua atau keseluruhan penduduk kampung ini belum menikmati kemudahan air paip. Mereka menggunakan perigi dan air Sungai Setiu sebagai punca bekalan air yang utama. Bekalan elektrik pula belum dinikamti sepenuhnya oleh penduduk di sini. Dari 50 responden, 70% telah mendapat kemudahan ini. Mereka yang belum mendapat kemudahan elektrik, menggunakan lampu minyak tanah dan gasolin. Mereka ini kebanyakannya tidak mampu untuk membayar kos memasukkan bekalan elektrik ke rumah-rumah mereka.

Bagi kemudahan pelajaran pula, di sini terdapat sebuah sekolah rendah dan sekolah menengah. Manakala pada tahun 1984 telah diwujudkan pula sebuah sekolah menengah agama. Di sini juga terdapat sebuah perpustakaan rakyat yang boleh digunakan oleh penduduk kampung sebagai dewan mesyuarat.

Jalanraya yang terdapat di kampung ini adalah jalan besar yang menghubungkannya dengan bandar-bandar seperti Kuala Trengganu, Jertih dan Kota Bharu Kelantan. Selain dari itu terdapat sebatang jalanraya yang menghubungkan kampung ini ke Penarek di sebelah timur sejauh 10 batu. Sementara itu Kampung Che' Long dan Bukit Pepari dihubungkan dengan pekan kecil kampung ini melalui sebatang jalan tanah merah. Apabila berlaku hujan keadaan jalan ini begitu teruk dan apabila musim panas pula ianya sentiasa berdebu.

Pengangkutan yang biasa digunakan oleh penduduk kampung ini untuk pergi ke bandar-bandar berhampiran ialah dengan menaiki bas dan teksi di samping kenderaan sendiri seperti kereta dan motosikal.

Kemudahan-kemudahan lain yang terdapat di kampung ini termasuklah sebuah masjid, pejabat pos, pusat kesihatan dan balai polis. Terdapat berbagai kemudahan di kampung ini kerana di sinilah pusat pentadbiran bagi Mukim Hulu Setiu. Kini pekan kecil ini telah dan sedang dibangunkan menjadi bandar dan pusat pentadbiran bagi

Daerah Setiu. Bandar baru ini dinamakan bandar Permaisuri yang telah diisytiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu pada 30 April 1985 yang lalu. Di bandar baru ini telah didirikan bangunan kedai yang moden dan lengkap dengan pasar, perhentian bas dan teksi.

Sebagai sebuah pusat pentadbiran di sini terdapat beberapa pejabat agensi kerajaan seperti Risda, Fama, Felcra, Kemas, Jabatan Penerangan dan sebagainya. Di kampung ini juga, kelak akan didirikan Komplek Pejabat Daerah dan Tanah yang dijangka siap pada awal bulan September 1987 yang berharga kira-kira tiga juta ringgit (sumber: Utusan Malaysia, Jumaat, 28 Jun 1985).

Tegasnya di sini Kampung Buluh kini sedang mengalami perubahan. Dengan kemajuan ini diharapkan dapat dibaiki taraf hidup kampung ini.

Dari segi pentadbiran Kampung Buluh Hulu ditadbir oleh seorang ketua kampung. (Di kalangan penduduk Pantai Timur Malaysia dikenali sebagai Penghulu). Ketua Kampung merupakan wakil bagi penduduk kampung untuk disampaikan masalah-masalah mereka kepada penghulu yang juga dikenali sebagai penggawa oleh penduduk-penduduk di sini. Ahli Jawatankuasa Kecil Kampung dibentuk dalam membantu tugas-tugas ketua kampung dalam pentadbiran.

Sementara itu parti politik yang berpengaruh di kampung ini ialah parti UMNO dan PAS. Di samping itu pula terdapat terdapat

persatuan belia yang dianggotai oleh anak-anak muda kampung ini. Persatuan ini menjalankan berbagai kegiatan seperti kelas masakan dan jahitan di kalangan beliawanis dan sukan di kalangan belia.

Dari segi ekonomi penduduk kampung ini melakukan berbagai-bagai jenis kerja. Ini termasuklah usaha di bidang pertanian dan kerja-kerja di luar pertanian sama ada yang bekerja dengan kerajaan atau sebaliknya.

## 3.2 Latar Belakang Responden

### (i) Umur Responden

Jadual 1: Umur Responden (Ketua Keluarga)

| Umur | Bilangan | Peratus |
|---|---|---|
| 21 - 25 | 3 | 6 |
| 26 - 30 | 3 | 6 |
| 31 - 35 | 4 | 8 |
| 36 - 40 | 6 | 12 |
| 41 - 45 | 5 | 10 |
| 46 - 50 | 6 | 12 |
| 51 - 55 | 2 | 4 |
| 56 - 60 | 9 | 18 |
| > 60 | 12 | 24 |
| Jumlah | 50 | 100 |

Dari Jadual 1 di atas didapati golongan responden yang teramai ialah mereka yang berumur antara 56 - 60 tahun iaitu seramai

9 orang dan mereka yang berumur lebih dari 60 tahun yang berjumlah seramai 12 orang.

Golongan yang paling kecil ialah mereka yang berumur antara 21 - 25 tahun dan 26 - 30 tahun di mana kedua-dua kategori ini hanya membentuk 12% dari keseluruhan responden. Dari jadual ini dapat dikatakan bahawa golongan dewasa yang berumur di antara 50 tahun ke atas merupakan golongan yang ramai berbanding dengan golongan muda. Kekurangan ini adalah disebabkan ramai dari golongan muda ini bekerja di luar dari kampung ini seperti bandar-bandar besar dan bandar-bandar berhampiran. Biasanya golongan muda mempunyai sedikit kelayakan dari segi pelajaran yang membolehkan mereka bekerja makan gaji di sektor kerajaan mahu pun swasta. Namun begitu perlu dinyatakan juga bahawa anak-anak muda di kampung ini ramai yang bekerja sebagai buruh di Singapura.

(ii) Tahap Pelajaran

Tingkat pelajaran seseorang itu selalu dihubung-kaitkan dengan kedudukan sosio-ekonomi mereka.

Jadual 2: Tahap Pelajaran Bagi 50 Responden

| Tahap Pelajaran | Bilangan | Peratus |
|---|---|---|
| Tidak sekolah | 24 | 48 |
| Darjah 1 - 3 | 3 | 6 |
| Darjah 4 - 6 | 5 | 10 |
| Tingkatan 3 | 3 | 6 |
| Tingkatan 5 | 8 | 16 |
| Tingkatan 6 | 2 | 4 |
| Pondok | 5 | 10 |
| Jumlah | 50 | 100 |

Hampir separuh iaitu 48% dari responden adalah terdiri dari mereka yang tidak bersekolah. Manakala mereka yang mendapat pendidikan sekolah menengah adalah sejumlah 26%. Dari sini jelas didapati bahawa tahap pelajaran responden masih rendah. Keadaan ini adalah disebabkan * mereka tidak mempunyai peluang untuk mendapatkan kemudahan belajar seperti masa kini. Mereka yang mendapat didikan dari sekolah pondok tidak memasuki sekolah Melayu. Pelajaran yang didapati dari sekolah pondok hanyalah pelajaran agama.

Kesemua responden boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia, dan seramai 150% darinya boleh membaca, dan hanya 46% sahaja yang boleh menulis dalam Bahasa Malaysia. Ini termasuk mereka yang boleh menulis dalam tulisan jawi. Di samping itu, penguasaan dalam bahasa Inggeris amat terhad. Sejumlah 8% responden boleh bertutur dalam bahasa Inggeris, 12% boleh membaca dan hanya 4% sahaja yang boleh menulis.

Jadual 3: Tahap Pelajaran Isteri Responden

| Tahap Pelajaran | Bil. Isteri | Peratus |
|---|---|---|
| Tidak sekolah | 22 | 44 |
| Darjah 1 - 3 | 4 | 8 |
| Darjah 4 - 6 | 7 | 14 |
| Tamat Tingkatan 3 | 8 | 16 |
| Tamat Tingkatan 5 | 0 | 0 |
| Enam Senawi | 1 | 2 |
| * Tidak terlibat | 8 | 16 |
| Jumlah | 50 | 100 |

* 8 orang isteri yang tidak terlibat ini adalah responden pengkaji.

Berdasarkan Jadul 3, didapati bahawa tahap pelajaran isteri-isteri responden masih rendah. Ini memandangkan sejumlah 52% daripada mereka langsung tidak mendapat pendidikan formal. Mereka tidak bersekolah kerana tidak mendapat peluang belajar tambahan pula adanya anggapan bahawa kaum wanita tidak perlu mendapat didikan yang tinggi. Daripada temubual secara tidak formal dengan isteri-isteri responden, kebanyakan mereka menyatakan bahawa mereka telah mendirikan rumahtangga dalam usia yang begitu muda.

Jika dibandignkan dengan tahap pelajaran responden/ketua keluarga didapati tidak ada seorangpun isteri-isteri yang menamatkan pelajaran hingga ke tingkatan lima. Kebanyakan dari mereka hanya menamatkan pelajaran peringakt rendah (22%) dan tamat tingkatan tiga (16%) sahaja.

Sementara itu, terdapat 8 orang responden adalah wanita. Ini menjadikan jumlah isteri responden hanya seramai 42 orang. Wanita yang menjadi responden adalah mereka telah bercerai, kematian suami dan suami bekerja di tempat lain.

(iii) Pekerjaan Responden

Jadual 4: Sektor Pekerjaan Bagi 50 Responden

| Sektor | Bil. Responden | Peratus |
|---|---|---|
| Pertanian | 17 | 34 |
| Bukan Pertanian | 30 | 60 |
| Lain-lain | 3 | 6 |
| Jumlah | 50 | 100 |

Merujuk kepada Jadual 4, pekerjaan bagi 50 orang responden boleh diklasifikasikan kepada sektor pertanian dan sektor bukan pertanian. Bagi mereka yang dikategorikan pada bahagian lain-lain terdiri dari mereka yang tidak melakukan sebarang pekerjaan seperti suri rumahtangga, pesara dan sakit. Dari sini didapati bahawa sektor bukan pertanian merupakan pekerjaan utama di mana terdapat 60% responden yang terlibat berbanding dengan sektor pertanian hanya sejumlah 34% sahaja.

Di dalam sektor bukan pertanian jenis pekerjaan yang dilakukan boleh dikelaskan kepada mereka yang bekerja dengan kerajaan seperti guru, buruh dan lain-lain perkhidmatan. Manaka mereka yang

bekerja di luar sektor kerajaan adalah mereka yang melakukan pekerjaan seperti, peniaga, tukang rumah, penjual kuih, pengaruh, pemandu, buruh guru Quran.

Sementara itu, jenis pekerjaan di sektor pertanian pula terdiri dari penanam padi, penoreh getah dan pekebun yang mengusahakan pelbagai tanaman. Perbincangan selanjutnya mengenai pekerjaan akan dihuraikan di dalam bab IV.

(iv) Pendapatan

Jadual 5: Pendapatan Bulanan 50 responden

| Jumlah Pendapatan | Bil Responden | Peratus |
|---|---|---|
| $ 50 - $ 100 | 7 | 14 |
| 101 - 200 | 11 | 22 |
| 201 - 300 | 16 | 32 |
| 301 - 400 | 3 | 6 |
| 401 - 500 | 6 | 12 |
| 501 - 600 | 1 | 2 |
| 601 - 700 | 1 | 2 |
| > 700 | 5 | 10 |
| Jumlah | 50 | 100 |

Pendapatan responden daripada Jadual V menunjukkan sejumlah 68% responden memperolehi pendapatan kurang dari $300 sebulan. Ini bermakna lebih daripada separuh responden ini boleh dikategorikan kepada golongan yang berpendapatan rendah.

Sementara itu, 14% responden mempunyai pendapatan lebih dari $500 sebulan. Mereka ini adalah terdiri daripada responden yang bekerja sebagai peniaga dan guru sekolah.

Sebilangan daripada responden yang berpendapatan rendah ini adalah mereka yang bergantung kepada sektor pertanian. Oleh itu pendapatan mereka adalah tidak tetap bergantung kepada hasil pengeluaran yang didapati.

(v) Pekerjaan Isteri Responden

Jadual 6: Pekerjaan Isteri Responden

| Jenis Pekerjaan | Bil. Responden | Peratus |
|---|---|---|
| Penanam padi | 3 | 6 |
| Penoreh getah | 1 | 2 |
| Penanam padi dan getah | 4 | 8 |
| Pekebun | 4 | 8 |
| Penjual kuih | 3 | 6 |
| Peniaga | 3 | 6 |
| Bidan | 1 | 2 |
| Guru Quran | 1 | 2 |
| Guru sekolah | 1 | 2 |
| Tidak bekerja | 21 | 42 |
| Tidak terlibat* | 8 | 16 |
| Jumlah | 50 | 100 |

* Mereka yang tidak terlibat adalah responden wanita

Dari segi pekerjaan isteri, terdapat seramai 21 orang yang bekerja. Mereka ini bekerja untuk membantu menambah pendapatan suami mereka. Berdasarkan kepada Jadual 6, jenis pekerjaan mereka boleh dibahagikan kepada sektor pertanian jumlah 24%, sektor bukan pertanian 18%. Keterangan selanjutnya mengenai pekerjaan isteri akan dibincangkan di dalam bab IV.

(vi) Perbelanjaan Keluarga

Jadual 7: Perbelanjaan Isirumah Responden Sebulan

| Jumlah Perbelanjaan | Bil. Responden | Peratus |
|---|---|---|
| $ 0 - $ 100 | 6 | 12 |
| 100 - 150 | 10 | 20 |
| 151 - 200 | 9 | 18 |
| 201 - 250 | 6 | 12 |
| 251 - 300 | 6 | 12 |
| 301 - 350 | 4 | 8 |
| 351 - 400 | 1 | 2 |
| 401 - 450 | 3 | 6 |
| 451 ke atas | 5 | 10 |
| Jumlah | 50 | 100 |

Perbelanjaan bagi isirumah ini adalah termasuk perbelanjaan untuk keperluan dapur, pakaian, bayaran elektrik, pengangkutan, kesihatan dan perbelanjaan anak-anak sekolah bagi tempoh sebulan.

Dari Jadual 8, didapati bahawa sebanyak 62% dari responden berbelanja kurang dari $250 sebulan. Dilihat dari segi pendpaatan

(Jadual 5) terdapat 68% responden berpendapatan kurang dari $300 sebulan. Ini menunjukkan bahawa golongan yang berpendapatan rendah kurang juga perbelanjaannya.

Manakala seramai 13 orang (26%) responden berbelanja lebih daripada $300 sebulan dari jumlah pendpatan mereka. Ini selaras dengan Jadual 5, iaitu seramai 16 orang (32%) responden memperolehi pendapatan lebih lebih dari $300 sebulan.

Dengan ini jelas bahawa responden berbelanja mengikut kemampuan mereka. Ini disokong pula dengan tidak terdapatnya responden yang berhutang.

(vii) Tanggungan Responden

Jadual 8: Jumlah Isirumah/Tanggungan Responden

| Bil. Tanggungan | Bil. Responden | Peratus |
|---|---|---|
| 1 | 1 | 2 |
| 2 | 4 | 8 |
| 3 | 6 | 12 |
| 4 | 10 | 20 |
| 5 | 9 | 18 |
| 6 | 3 | 6 |
| 7 | 7 | 14 |
| 8 | 5 | 10 |
| 9 | 3 | 6 |
| 10 | 2 | 4 |
| Jumlah | 50 | 100 |

Tanggungan bagi responden yang boleh menggambarkan saiz sesebuah keluarga. Tanggungan responden adalah termasuk anak-anak ibubapa atau adik beradik yang tinggal di rumah responden.

Dari Jadual 9, diperhatikan bahawa dari 50 orang responden ini bilangan yang teramai ialah mereka yang mempunyai tanggungan seramai 4 hingga ke 7 orang.

Bilangan tanggungan yang ramai ini adlaah dari anak-anak yang masih bersekolah dan yang belum bersekolah. Kadang-kadang termasuk juga ibubapa, cucu atau mertua kepada responden.

Ada juga keluarga yang mempunyai tanggungan 1 - 3 orang sahaja. mereka ini terdiri dari golongan tua yang anak-anak mereka sudah berkahwin dan ada pula yang bekerja di luar dari daerah dan negeri ini.

(viii) Pemilikan Tanah

Bagi komuniti luar bandar, tanah adalah penting sebagai salah satu faktor pengeluaran selain darikegunaan untuk tapak rumah. Tanah merupakan asas kepada aktiviti ekonomi pertanian. Dengan memiliki tanah yang luas akan dapat menghasilkan pengeluaran yang tinggi

Jadual 9: <u>Taburan Pemilikan Tanah Di Kalangan 50 Responden</u>

| Luas Tanah | Bil. Pemilik | Peratus |
|---|---|---|
| 0 | 9 | 18 |
| 0.1 - 1 | 12 | 24 |
| 1.1 - 2 | 3 | 6 |
| 2.1 - 3 | 9 | 18 |
| 3.1 - 4 | 3 | 6 |
| 4.1 - 5 | 0 | 0 |
| 5.1 - 6 | 3 | 6 |
| 6.1 - 7 | 1 | 2 |
| 7.1 - 8 | 2 | 4 |
| 8.1 - 9 | 3 | 6 |
| 9.1 - 10 | 2 | 4 |
| > 10 | 3 | 6 |
| Jumlah | 50 | 100 |

Jadual 9 menunjukkan taburan pemilikan tanah di kalangan 50 orang responden. Taburan pemilikan ini termasuk semua jenis tanah seperti tanah pertanian, tapak rumah dan lain-lain.

Dari jadual tersebut terdapat ramai responden mempunyai bidang tanah yang kecil. Sejumlah 72% responden memiliki keluasan tanah kurang dari 5 ekar berbanding dengan 28% yang memiliki lebih dari 6 ekar. dari 6 ekar. Manakala terdapat 18% responden yang tidak mempunyai tanah langsung.

Dari segi pertanian, penggunaan tanah yang kurang dari 6 ekar adalah tidak ekonomik, kerana ia menghasilkan pengeluaran yang rendah. Ini merupakan punca kemiskinan di kalangan petani-petani.

Bagi mereka yang tidak memiliki tanah, mereka terpaksa menyewa ataupun menumpang di tanah saudara mara untuk tempat tinggal dan juga untuk bercucuk-tanam.

Perbincangan selanjutnya mengenai tanah ini akan dikemukakan di dalam bab V.

(ix) Simpanan Dan Pemilikan

Jadual 10: Simpanan Responden

| Jumlah Responden | Bil. Responden | Peratus |
|---|---|---|
| < $100 | 6 | 12 |
| $ 101 - $ 200 | 4 | 8 |
| 201 - 300 | 1 | 2 |
| 301 - 400 | 3 | 6 |
| 401 - 500 | 3 | 6 |
| 501 - 600 | 2 | 4 |
| 601 - 700 | 1 | 2 |
| 701 - 800 | 1 | 2 |
| 801 - 900 | 0 | 0 |
| 900 - 1,000 | 1 | 2 |
| > $1,000 | 4 | 24 |
| Tiada simpanan | 24 | 48 |
| Jumlah | 50 | 100 |

Merujuk kepada Jadual 10 didapati hanya 54% responden mempunyai simpanan atau tabungan. Simpanan yang dibuat adalah di dalam Bank Simpanan Nasional, Tabung Haji dan ada juga di kalangan responden yang menyimpan di rumah atau melabur di dalam Amanah Saham Nasional (ASN).

Dari segi simpanan yang dilakukan, adalah jelas rata-rata simpanan mereka kurang dari $1,000 terdapat 12% mempunyai simpanan kurang dari $100, manakala 8% dari responden mempunyai simpanan lebih dari $1,000.

Seramai 24 orang (48%) dari mereka tidak membuat simpanan atau apa-apa tabungan. Menurut kebanyakan responden, mereka tidak menyimpan kerana pendapatan yang sedikit menghalang mereka menabung. Pendapatan mereka hanya cukup untuk perbelanjaan mereka sebulan. Ini menunjukkan tidak ada 'surplus' untuk mereka membuat tabungan.

Jadual 11: Pemilikan Harta Responden

| Jenis Harta | Bil. Responden | Peratus |
|---|---|---|
| Kereta | 4 | 3 |
| Motosikal | 9 | 7 |
| Peti sejuk | 9 | 7 |
| Televisyen | 28 | 21 |
| Dapur gas | 12 | 9 |
| Kusyen set | 22 | 17 |
| Mesin jahit | 21 | 16 |
| Kipas letrik | 18 | 13 |
| Tiada harta | 10 | 7 |
| Jumlah | 133 * | 100 |

* Angka lebih dari 50 menunjukkan terdapat responden yang memiliki lebih dari satu harta.

Perkembangan teknologi moden juga mempengaruhi penduduk kawasan kajian. Ini dapat dilihat dari Jadual 11. Rata-rata dari responden memiliki harta ini atas dasar keperluan. Oleh yang demikian terdapat 21 orang (16%) memiliki mesin jahit, 22 orang (17%) kusyen set, 18 orang (13%) kipas letrik dan 28 orang (21%) memiliki televisyen. Atas kehendak terhadap keperluan-keperluan ini responden memilih untuk mendapat keperluan ini daripada membuat tabungan.

# BAB IV

# PEKERJAAN

Pekerjaan merupakan aspek penting apabila kita mengkaji kedudukan sosio-ekonomi satu-satu masyarakat. Menurut kandungan DEB[1] (Dasar Ekonomi Baru), kemiskinan ada kaitannya dengan orang-orang yang menganggur, pekerja yang tenaganya tidak digunakan sepenuhnya, dan mereka yang terlibat dengan pekerjaan yang rendah daya pengeluarannya. Ini menyebabkan kedudukan taraf hidup mereka berada di bawah taraf hidup purata negara.

Di dalam bab ini akan disentuh mengenai aspek pekerjaan yang diamalkan di kampung ini.

## 4.1 Sebaran Pekerjaan

Kegiatan ekonomi penduduk kampung ini boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu mereka yang terlibat dengan pekerjaan di sektor pertanian dan sektor bukan-pertanian. Sektor bukan-pertanian ini pula dapat dipecahkan kepada dua, iaitu mereka yang bekerja dengan kerajaan dan mereka yang tidak bekerja dengan kerajaan. Pembahagian kepada kategori-kategori ini ditunjukkan di dalam Jadual 12.

---

1 DEB terkandung di dalam Rancangan Malaysia Kedua (RMK), 1971-1975.

Dari jadual ini didapati 34% dari responden yang ditemui terlibat di dalam sektor pertanian dan 60% terlibat dengan kegiatan di luar sektor pertanian. Manakala selebihnya terdiri dari mereka yang tidak melakukan sebarang pekerjaan seperti pesara, suri rumah-tangga, dan seorang daripadanya uzur.

Dari angka-angka ini jelas menunjukkan bahawa sektor bukan-pertanian merupakan pekerjaan utama yang dilakukan oleh penduduk kampung ini.

Namun begitu terdapat juga responden yang bekerja di sektor bukan pertanian terlibat dengan aktivit-aktiviti pertanian. Pekerjaan ini sebagai pekerjaan sampingan mereka sahaja.

Jadual 12: Pola Pekerjaan Bagi 50 Responden

| Jenis Pekerjaan | Bil. Responden | Peratus |
|---|---|---|
| A. Pertanian | | |
| Penanam padi | 7 | 14 |
| Penoreh getah | 4 | 8 |
| *Penanam padi serta penoreh getah | 5 | 10 |
| Pekebun | 1 | 2 |
| Jumlah kecil | 17 | 34 |
| B. Bukan Pertanian | | |
| i) Sektor Kerajaan | | |
| Guru | 3 | 6 |
| Buruh | 6 | 12 |
| Ketua Kampung | 1 | 2 |
| Lain-lain pendapatan | 2 | 4 |
| Jumlah kecil | 12 | 24 |
| ii) Bukan Kerajaan | | |
| Peniaga | 5 | 10 |
| Tukang rumah | 3 | 6 |
| Buruh | 2 | 4 |
| Pemandu | 2 | 4 |
| Penjual kuih | 2 | 4 |
| Pengasuh | 1 | 2 |
| Guru Quran | 1 | 2 |
| Tiada pekerjaan tetap | 2 | 4 |
| Jumlah kecil | 18 | 36 |
| Pesara | 1 | 2 |
| Suri rumahtangga | 1 | 2 |
| Tidak bekerja | 1 | 3 |
| Jumlah kecil | 3 | 6 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 50 | 100 |

* Responden di dalam kategori ini menjalankan kedua-dua pekerjaan menanam padi dan menoreh getah sebagai pekerjaan utama.

(i) <u>Sektor Pertanian</u>

Merujuk kepada Jadual 12, dari 34% responden yang terlibat di dalam sektor ini, 14% menjalankan aktiviti menanam padi, 8% mereka yang menoreh getah dan terdapat 10% responden yang mengusahakan kedua-dua tanaman padi dan getah sebagai pekerjaan utama. Manakala terdapat hanya seorang sahaja yang melibatkan diri dengan aktiviti perkebunan. Jenis tanaman yang diusahakan oleh beliau ialah pisang, jagung dan berbagai jenis sayuran.

Dari jadual ini jelas menunjukkan bahawa aktiviti penanaman padi merupakan pekerjaan yang utama diikuti oleh pekerjaan pekebun kecil getah.

Tanaman padi adalah penting kerana ia merupakan pekerjaan yang diwarisi sejak turun-temurun lagi. Selain dari itu, padi merupakan tanaman makanan. Oleh itu mereka menanam padi bukanlah semata-mata untuk memperolehi pendapatan tetapi juga sebagai sumber makanan. Dengan ini tanaman padi menjadi penting di kalangan penduduk luar bandar khususnya para petani.

Penoreh getah di sini adalah terdiri dari pekebun-pekebun kecil. Di antara mereka ini ada yang mengusahakan getah keping dan ada yang hanya membuat 'getah buku' sahaja.

Mereka yang terlibat di dalam kedua-dua pekerjaan menanam padi dan menoreh getah merupakan kumpulan yang kedua ramai bilangan responden selepas penanam padi. Mereka ini dapat mengerjakan kedua-dua pekerjaan kerana mereka memiliki kedua-dua jenis tanah padi dan getah. Namun begitu ada juga yang menyewa tanah orang lain bagi salah satu aktiviti tersebut. Mereka ini dapat mengusahakan dua jenis pekerjaan ini juga kerana tanaman padi dijalankan sekali sahaja dalam setahun oleh itu mereka tidak terikat dengan jadual kerja yang banyak.

Keseluruhannya mereka yang terlibat dalam pekerjaan sektor pertanian ini mengusahakan tanah yang dimiliki sendiri dan mereka yang tidak memiliki ataupun mereka yang ingin menambahkan keluasan tanah akan menyewa tanah orang lain. Aspek pemilikan tanah akan dibincangkan selanjutnya di dalam bab V.

(ii) Sektor Bukan Pertanian

Sektor ini merupakan sektor pekerjaan yang utama penduduk di sini. Dari Jadual 12 terdapat 60% responden terlibat dalam sektor ini. Mereka yang tergolong dalam kategori ini dipecahkan pula kepada:

(a) Sektor Kerajaan

Responden dalam kategori ini merupakan mereka yang bekerja dengan kerajaan. Dari Jadul 12 terdapat 24% dari responden ter-

golong dalam kategori ini. Mereka ini terdiri dari guru sekolah, buruh, ketua kampung dan lain-lain perkhidmatan.

Dari 12 orang yang terlibat dalam sektor ini 6 orang daripadanya bekerja sebagai buruh. Antara jenis pekerjaan yang dilakukan ialah pelayan asrama, tukang kebun, buruh Majlis Daerah dan buruh di Jabatan Tali Air, pertanian dan pertubuhan peladang. Ramai yang terlibat dengan pekerjaan ini kerana wujudnya institusi dan agensi-agensi kerajaan di kampung ini yang memberi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Ini jelas terbukti dengan adanya agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Tali Air dan Pertubuhan Peladang. Selain dari itu, daerah baru Setiu yang berpusat di kampung ini telah membolehkan penduduk tempatan bekerja sebagai buruh Majlis Daerah Setiu.

Pekerjaan sebagai buruh juga tidak memerlukan kelulusan akademik yang tinggi. Merujuk kepada Jadual 2 (Bab III) kita dapati rata-rata responden mempunyai tahap pelajaran yang rendah. Oleh itu bidang pekerjaan yang mereka ceburi juga sudah tentulah kerja-kerja yang tidak memerlukan pencapaian akademik yang tinggi. Dari Jadual 12 juga didapati 3 orang responden bekerja sebagai guru. Mereka ini telah lulus sekurang-kurangnya tingkatan lima (SPM).

Responden yang termasuk dalam kategori lain-lain pekerjaan adalah terdiri dari seorang pembantu makmal sekolah dan seorang pegawai pembantu khidmat peladang. Jumlah mereka yang tergolong dalam kategori ini kecil kerana seperti juga pekerjaan sebagai guru,

mereka ini dikehendaki memenuhi syarat-syarat akademik untuk menjawat jawatan ini. Oleh itu jika dilihat dari tahap pelajaran responden tidak hairanlah jika tidak ramai yang bekerja di kategori ini.

Jika dibandingkan dengan sektor-sektor lain sama ada di sektor bukan kerajaan mahupun sektor pertanian, jumlah responden yang terlibat dalam sektor ini adalah kecil bilangannya. Ini kerana seperti yang dinyatakan sebelum ini bahawa pencapaian pelajaran adalah penting. (Kecuali jawatan sebagai buruh). Jika ditinjau dari kategori umur responden dalam Jadual 1 (bab III) sejumlah 24% dari mereka terdiri daripada mereka yang berumur lebih dari 60 tahun, mereka ini adalah golongan yang tidak mendapat pendidikan secara formal di sekolah. Tambahan pula mereka telah melebihi syarat had umur yang perlu dipatuhi jika ingin berkhidmat dalam sektor kerajaan.

(b) Sektor Bukan Kerajaan

Dari Jadual 12, 36% dari responden terlibat dalam sektor ini. Ini merupakan sektor kerja yang banyak diceburi oleh responden berbanding dengan sektor-sektor lain. Antara jenis pekerjaan yang termasuk dalam kategori ini ialah golongan peniaga yang terdiri dari mereka yang mengusahakan kedai runcit dan kedai makanan dan minuman. Golongan ini merupakan jumlah yang teramai iaitu sebanyak 10% responden yang terlibat.

Selain dari itu, jenis pekerjaan lain ialah pekerjaan sebagai tukang rumah, buruh iaitu buruh balak dan buruh binaan, pemandu, penjual kuih, pengasuh, guru al-Quran dan mereka yang tidak mempunyai pekerjaan yang tetap.

Melihat kepada pola pekerjaan di sektor ini, boleh dikatakan keseluruhannya (kecuali mereka yang berniaga) adalah merupakan pekerjaan yang menghasilkan pendapatan yang rendah.

Mereka melibatkan diri dalam jenis pekerjaan atas beberapa sebab. Antaranya mereka ini tidak mempunyai tanah pertanian untuk diusahakan. Ada juga yang memiliki tanah pertanian tetapi tidak mengerjakannya kerana hasil yang sedikit dari pertanian. Oleh itu mereka cuba menceburi bidang pekerjaan di luar sektor pertanian dengan harapan untuk memperbaiki kedudukan ekonomi mereka. Bagi mereka yang sudah tua dan uzur, mereka ini hanya berdaya melakukan kerja-kerja ringan seperti guru al-Quran dan pengasuh budak.

Selain dari itu, terdapat di kalangan mereka yang tidak mempunyai pelajaran dan sukar bagi mereka untuk menjawat jawatan yang lebih baik.

Sementara itu bagi golongan peniaga mereka ini lebih bernasib baik kerana mereka ini mempunyai pendpatan yang agak lumayan. Di samping memiliki modal yang cukup, kampung ini memang sesuai dijalankan kegiatan berniaga kerana terdapatnya sebuah pekan kecil. Dan setiap minggu terdapat pula 'pasar sehari', yang menjadi tumpuan penduduk kampung itu dan kampung berhampiran untuk membeli belah. Sekarang di pekan kecil ini telah diwujudkan bandar baru untuk Daerah Setiu, jadi peluang dan masa depan golongan peniaga di sini adalah cerah.

Dari analisa terhadap jenis dan sebaran pekerjaan di kalangan responden ini dapat dirumuskan beberapa perkara.

Jenis-jenis kerja yang dilakukan oleh mereka jelas menunjukkan kebanyakannya adalah dari pekerjaan yang menghasilkan pendapatan yang rendah. Ini termasuklah pekerjaan bertani dan pekerjaan lain seperti buruh, tukang rumah, penjual kuih, pengasuh dan guru Quran. Sebab itulah merujuk kepada Jadual 5 (bab III) didapati 68% dari 50 responden memperolehi pendapatan bulanan antara \$50-\$300.

Tahap pelajaran responden dan jenis pekerjaan yang mereka lakukan dapat menjelaskan mengapa ramai yang terlibat dengan pekerjaan yang disebutkan.

Jadual 13 menunjukkan bahawa mereka yang menjalankan kerja-kerja seperti yang disebutkan di atas mempunyai tahap pelajaran yang rendah. Ini menyebabkan mereka tidak mempunyai peluang utnuk mendapat kerja yang lebih baik.

Dari kajian ini juga didapati sektor pertanian tidak lagi merupakan sektor utama di kampung ini. Keadaan ini wujud kerana beberapa sebab. Pertamanya terdapat golongan yang tidak memiliki tanah pertanian. Mereka ini pula terdiri dari mereka yang tidak mempunyai tanah langsung ataupun tidak memiliki tanah yang boleh diusahakan kerana tidak subur dan tidak sesuai utnuk pertanian. Ramai pula di kalangan mereka yang memiliki tanah yang sempit bidangnya oleh itu

tidak menghasilkan pendapatan yang mencukupi jadi terpaksa mencari peluang pekerjaan yang lain. (Perbincangan mengenai pemilikan tanah akan dibincangkan dalam bab V).

Sebab-sebab lain adalah masalah di bidang pertanian itu. Bagi penanam padi tanaman hanya dapat diusahakan semusim sahaja dalam setahun. Ini kerana kawasan ini sentiasa dilanda banjir setiap tahun. Hasil yang didapati dari tanaman padi adalah 500 gantang bagi 1 ekar. Oleh itu menyebabkan petani terpaksa mencari cara lain untuk menambahkan pendapatan.

Satu lagi masalah besar yang menyebabkan kurangnya penglibatan penduduk kampung dalam aktiviti penanaman padi ialah berlakunya kekurangan air di tanah sawah. Ini kerana ketinggian paras tanah sawah yang tidak sekata, menyebabkan air yang disalurkan melalui tali air tidak dapat dinikmati secara sama rata. Dengan ini banyak tanah sawah yang terbiar dan tidak diusahakan. Mereka yang terlibat terpaksa mencari sumber rezeki yang lain.

Bagi penoreh getah pula, musim hujan yang panjang setiap tahun menyebabkan mereka mempunyai bilangan hari bekerja yang sedikit. Ini kerana pokok getah tidak dapat ditoreh apabila pokoknya basah. Oleh itu, pendapatan penoreh getah biasanya tidak tetap. Dan hasil yang didapati juga sedikit.

Dengan masalah-masalah yang terpaksa dihadapi ini para petani terpaksa melakukan pekerjaan sampingan untuk menambah pendapatan mereka.

Jadual 13: Pekerjaan Dan Tahap Pelajaran Responden

| | Tidak Bersekolah | Tamat Darj. 3 | Tamat Darj. 6 | Tamat Tingk. 3 | Tamat Tingk. 5 | Tamat Tingk. 6 | Sekolah Pondok | Bil. Responden |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| A. Pertanian | | | | | | | | |
| Penanam padi | 4 | | | | | | 3 | 7 |
| Penoreh getah | 3 | 1 | | | | | | 4 |
| Penanam padi serta penoreh getah | 3 | | | 1 | | | 1 | 5 |
| Pekebun | | | 1 | | | | | 1 |
| B. Bukan Pertanian | | | | | | | | |
| i) Kerajaan | | | | | | | | |
| Guru | | | | | 2 | 1 | | 3 |
| Buruh | | 1 | 3 | | 2 | | | 6 |
| Ketua Kampung | 1 | | | | | | | 1 |
| Lain-lain perkhidmatan | | | | | 2 | | | 2 |
| ii) Bukan Kerajaan | | | | | | | | |
| Peniaga | 2 | | 1 | | 1 | 1 | | 5 |
| Tukang rumah | 2 | 1 | | | | | | 3 |
| Buruh | 2 | | | | | | | 2 |
| Pemandu | | | | 2 | | | | 2 |
| Penjual kuih | 2 | | | | | | | 2 |
| Pengasuh | 1 | | | | | | | 1 |
| Guru Quran | | | | | | | 1 | 1 |
| Tiada pekerjaan tetap | 2 | | | | | | | 2 |
| Pesara | 1 | | | | | | | 1 |
| Suri rumah | | | | | 1 | | | 1 |
| Tidak bekerja | 1 | | | | | | | 1 |
| *Jumlah* | *24* | *3* | *5* | *3* | *8* | *2* | *5* | *50* |

4.2 Pekerjaan Sampingan

Pekerjaan sampingan penting untuk membantu menambahkan pendapatan seseorang. Dari kajian ini, dengan merujuk kepada Jadual 14 didapati seramai 26 orang atau 52% responden mempunyai kerja sampingan.

Jadual 14: Pola Pekerjaan Sampingan

| Jenis Pekerjaan | Bil. Responden | Peratus |
|---|---|---|
| Penanam padi | 8 | 16 |
| Pekebun | 4 | 8 |
| Buruh upahan | 4 | 8 |
| Tukang rumah | 5 | 10 |
| Penjual kuih | 1 | 2 |
| Pengasuh | 1 | 2 |
| Kerja tangan | 1 | 2 |
| Guru Quran | 1 | 2 |
| Kontrektor | 1 | 2 |
| Tiada pekerjaan | 24 | 48 |
| Jumlah | 50 | 100 |

Dari Jadual 14 di atas didapati jenis pekerjaan yang banyak dilakukan ialah di bidang pertanian. Dari jenis-jenis kerja sampingan tersebut, penanaman padi merupakan pekerjaan yang utama. Tanaman padi penting kerana tanaman makanan. Oleh itu terdapat responden yang mengusahakan tanaman padi hanya untuk keperluan makanan semata-mata. Tanaman padi secara sampingan dilakukan oleh mereka yang mem-

punyai pekerjaan lain di luar sektor pertanian. Oleh kerana padi merupakan kerja bermusim ianya mudah dilakukan oleh responden tanpa mengganggu pekerjaan utama mereka. Dari Jadul 14 terdapat 8 orang atau 16% responden menanam padi sebagai kerja sampingan.

Jenis pekerjaan yang kedua ramai dari bilangan responden ialah mereka yang bekerja sebagai tukang rumah iaitu seramai 5 orang atau 10%. Mereka yang ini terdiri dari mereka yang menanam padi dan menoreh getah sebagai pekerjaan utama. Mereka menjalankan kerja kerja bertukang semasa tidak bekerja di sawah atuapun selepas menoreh.

Antara pekerjaan lain yang agak penting ialah berkebun. 8% dari responden terlibat dengan pekerjaan ini. Jenis tanaman yang ditanam ialah sayur-sayuran. Hasil dari kebun ini dijual di pasar kampung ini dan ada juga pembeli yangmembeli terus dari kebun petani.

Buruh upahan juga merupakan kategori pekerjaan yang agak penting. Ia juga membentuk 8% dari jumlah responden. Mereka ini mengambil upah bekerja di sawah orang lain dan lain-lain kerja kampung seperti menebas kebun. Pekerjaan ini biasanya dilakukan oleh penoreh getah yang tidak dapat bekerja di musim hujan.

Antara lain-lain kerja sampingan ialah penjual kuih, pengasuh budak, kerja tangan, guru Quran dan kontrektor yang masing-masing membentuk 2% dari jumlah responden.

PERPUSTAKAAN
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

Dari sini dapat dikatakan ramai responden iaitu lebih dari 50% terlibat dengan kerja-kerja sampingan. Pengalaman kerja-kerja sampingan ini adalah ikutan dari masalah dalam sektor pekerjaan utama yang tidak menjamin pendapatan yang memuaskan.

4.3 Pekerjaan Isteri Responden

Dalam usaha untuk menambahkan pendapatan ketua keluarga, peranan isteri juga tidak kurang pentingnya dalam membantu keluarganya. Dari 42 orang responden lelaki (ketua keluarga) 21 orang darinya mempunyai isteri yang bekerja di luar rumah. (Terdapat hanya 42 orang isteri responden kerana 8 orang lagi terdiri dari responden wanita).

Jadual 6 bab III menunjukkan taburan dan jenis pekerjaan yang dilakukan oleh isteri-isteri responden. Dari jadual tersbeut didapati jenis pekerjaan utama yang diceburi ialah pekerjaan di sektor pertanian. Iaitu 28% dari mereka terlibat dalam bidang ini. Dari jumlah ini 8% bekerja sebagai penanam padi, 2% penoreh getah, 9% mengusahakan kedua-dua aktiviti menoreh getah dan menanam padi dan 9% lagi mengusahakan tanah kebun.

Di luar sektor pertanian, jenis pekerjaan yang dilakukan antaranya ialah berniaga, menjual kuih, bidan, guru Quran dan guru sekolah. Kesemua mereka yang terlibat dalam sektor ini membentuk sejumlah 22% dari jumlah keseluruhan isteri-isteri responden.

Di samping itu 50% isteri responden yang tidak bekerja merupakan suri rumah sepenuh masa.

Dari segi jenis pekerjaan didapati jenis-jenis kerja yang diceburi ini tidak memerlukan pencapaian pelajaran yang tinggi. Oleh itu ini sesuai dengan jadual 3 dalam bab yang sama, di mana dari segi tahap pelajaran ramai isteri responden yang mempunyai pendidikan yang rendah.

Pendapatan yang diperolehi oleh isteri-isteri responden ini, rata-rata adalah kurang dari $200 sebulan. Bagi yang menanam padi biasanya mereka membantu suami mereka atau ada yang mereka itu dibantu oleh suami kerana suami mempunyai pekerjaan yang lain.

Walau bagaimanapun penglibatan mereka dalam bidang pekerjaan ini sedikit sebanyak dapat membantu menyara kehidupan keluarga mereka.

## 4.4 Mobiliti Kerja

Dari kajian ini juga didapati ada di kalangan responden yang mempunyai pekerjaan lain sebelum pekerjaan sekarang. Ini bermakna ada berlaku mobiliti kerja di kalangan mereka. Mobiliti ini boleh berlaku secara 'horizontal'/mendatar ataupun secara 'vertical'/menegak. Mobiliti secara mendatar tidak membawa apa-apa perubahan kepada kedudukan pekerjaan dari segi ekonomi manakala mobiliti secara menegak menunjukkan berlakunya peningkatan kedudukan ekonomi.

Jadual 15 menunjukkan jenis pekerjaan dahulu yang pernah dilakukan oleh responden.

Jadual 15: Jenis Pekerjaan Dahulu Yang Dilakukan Oleh Responden

| Jenis Kerja | Bil. Responden | Peratus |
|---|---|---|
| Petani | 10 | 20 |
| Buruh | 3 | 6 |
| Berniaga | 1 | 2 |
| Peneroka | 1 | 2 |
| Guru | 2 | 4 |
| Mencari rotan | 1 | 2 |
| Tiada pekerjaan dahulu | 32 | 64 |
| Jumlah | 50 | 100 |

Dari Jadual 15 terdapat 36% dari 50 responden mempunyai pekerjaan lain sebelum pekerjaan sekarang. Dari jumlah ini 20% merupakan petani. Mereka ini terdiri dari penanam padi dan penoreh getah. Kateogir kedua yang mempunyai bilangan teramai ialah mereka yang pernah menjadi buruh iaitu sebanyak 6% dari jumlah responden. Mereka yang lain terdiri dari peniaga, peneroka, guru dan pencari rotan.

Dari 10 orang yang bertani pada masa dahulu 5 orang darinya menukar pekerjaan sebagai buruh. Antara jenis pekerjaan yang mereka lakukan sekarang ialah buruh pembalakan, buruh binaan di Singapura, tukang kebun sekolah, buruh pertanian dan buruh tali air.

Selain dari itu ada petani yang menukar pekerjaan mereka dari bertani kepada tukang rumah, pengasuh dan berniaga. Terdapat 2 orang responden yang meninggalkan kerja bertani kerana uzur dan tua.

Sementara itu mereka yang bekerja sebagai buruh, telah menukar pekerjaan mereka kepada pekerjaan buruh juga dan terdapat 2 orang responden yang bersara. Terdapat 2 orang guru menukar pekerjaan kepada bidang perniagaan, seorang peneroka menukar kerja sebagai pemandu lori dan seorang yang dahulunya bekerja sebagai pencari rotan kini bekerja sebagai buruh.

Dari perubahan-perubahan ini, boleh dikatakan mobiliti menegak tidak begitu ketara berlaku di sini.

Jadual 16 pula menunjukkan alasan-alasan yang telah diberikan oleh responden mengapa mereka menukar pekerjaan yang lama.

Jadual 16: Alasan Meninggalkan /Menukar Pekerjaan

| Alasan | Bil. responden | Peratus |
|---|---|---|
| Pekerjaan lain lebih baik | 8 | 16 |
| Berniaga | 3 | 6 |
| Tua/uzur | 5 | 10 |
| Tiada pembantu | 1 | 2 |
| Bersara | 1 | 2 |
| Tidak menukar pekerjaan | 32 | 64 |
| Jumlah | 50 | 100 |

Dari jadual 16 terdapat 16% responden memberikan alasan mereka memperolehi pekerjaan yang lebih baik sementara 10% memberikan alasan tua dan uzur.

Kebanyakannya mereka yang mempunyai pekerjaan dahulu sbeagai petani memberikan alasan mendapat pekerjaan lain yang lebih baik sebagai sebab-sebab mereka menukar pekerjaan kepada buruh. Ini kerana mereka menganggap kerja makan gaji lebih baik lebih-lebih lagi mereka yang bekerja dengan kerajaan merasa lebih terjamin.

Tambahan pula pekerjaan makan gaji dari segi pendapatan bulanan yang diterima adalah tetap berbanding dnegan sektor pertanian yang tidak stabil.

Kesimpulannya, walaupun ada berlaku mobiliti menegak, namun begitu peningkatan yangberlaku tidak begitu besar. Dari segi pendapatan yang diperolehi masih ramai yang mendapat pendapatan bulanan yang rendah.

Sebagai rumusan dari bab ini dapat dikatakan bahawa kebanyakan penduduk di sini melakukan pekerjaan yang menghasilkan pendapatan yang rendah.

Walaupun sektor pertanian tidak lagi merupakan sektor yang utama tetapi ramai dari mereka yang masih mengerjakan sektor pertanian secara tidak langsung iaitu sebagai pekerjaan sampingan.

Masalah-masalah yang berhubung dengan pemilikan tanah, dan masalah persekitaran yang mengakibatkan hasil pertanian yang rendah menyebabkan petani tidak lagi memberi tumpuan utama kepada bidang pertanian.

Kekurangan dari segi pencapaian pelajaran menyebabkan penduduk atau responden tidak dapat mencari pekerjaan yang lebih baik.

Walau bagaimanapun kepentingan tanah tidak boleh dinafikan. Oleh kerana tanah merupakan modal utama dari segi faktor pengeluaran dan juga dianggap sebagai harta maka masih ramai di kalangan responden yang ingin memiliki tanah.

# BAB V

# TANAH

Tanah merupakan faktor pengeluaran yang utama kepada aktiviti ekonomi yang berasaskan pertanian. Bagi masyarakat tani, tanah adalah punca utama rezeki mereka. Pemilikan tanah yang luas merupakan jaminan untuk memperolehi sumber makanan dan pendapatan yang secukupnya. Petani yang memiliki tanah yang kecil atau tidak memiliki tanah langsung pada amnya tergolong dalam kategori petani miskin. Pemecahan tanah kepada yunit-yunit yang lebih kecil menyebabkan pengerjaan tanah yang tidak ekonomik dan menghasilkan pengeluaran yang rendah.

Di samping itu tanah juga mempunyai fungsi dalam menentukan status seseorang di dalam masyarakatnya. Mereka yang memiliki banyak tanah merupakan golongan yang 'berharta' dan dipandang tinggi. Maka terdapat kecenderungan kepada seseorang mengumpul tanah, di mana ini mengakibatkan penumpuan pemilikan tanah. Ini pula akan mewujudkan golongan tuan tanah yang juga akan menyebabkan wujudnya golongan penyewa.

Keadaan seperti ini menyebabkan terdapatnya corak pemilikan yang tidak seimbang di kalangan penduduk luar bandar.

Dalam bab ini pengkaji akan cuba menganalisa corak pemilikan tanah di kalangan responden di kampung ini.

## 5.1 Sebaran Pemilikan Tanah

Dalam jadual 9 (bab III) telah ditunjukkan keluasan tanah yang dimiliki oleh 50 orang responen. Pemilikan ini terdiri dari semua jenis kegunaan tanah termasuklah tanah untuk tapak rumah. Didapati 9 orang (18%) responden yang tidak memiliki tanah langsung. Di antara mereka terdapat juga penduduk dari luar kampung ini yang bekerja dan menyewa rumah di sini. Di samping itu mereka yang tidak bertanah ini ada yang menumpang di tanah kaum keluarga dan ada juga menyewa tanah orang lain.

Dari jadual ini juga didapati taburan keluasan tanah ayng dimiliki oleh responden adalah tidak seimbang. Terdapat 54% responden memiliki tanah kurang dari 5 ekar, sementara 28% lagi memiliki lebih dari 5 ekar. Ianya jelas menunjukkan bahawa ramai responden memiliki tanah yang kecil. Ini terbukti dari jadual 9 di mana sejumlah 24% responden memiliki tanah seluas antara 0.1-2 ekar. Di samping itu hanya 6% sahaja responden yang memiliki tanah lebih dari 10 ekar.

### (i) Pemilikan Tanah Mengikut Sektor Pekerjaan

Sebagaimana yang telah dinyatakan di awal bab ini, tanah adalah penting kepada petani. Namun begitu, ini tidak pula bermakna mereka yang tidak terlibat dengan pertanian tidak memiliki tanah. Ini jelas ditunjukkan di dalam jadual 17, yang menunjukkan taburan pemilikan tanah di kalangan mereka yang terlibat di dalam sektor pertanian dan bukan pertanian.

Merujuk kepada jadual 17 terdapat 16% responden yang terlibat di dalam sektor pertanian memiliki tanah seluas kurang dari 5 ekar. Manakala sejumlah 18% memiliki tanah seluas lebih dari 5 ekar. Di dalam sektor bukan pertanian pula terdapat 18% dari mereka yang tidak memiliki tanah langsung.

Jadual 17: Sebaran Pemilikan Tanah Mengikut Sektor Pekerjaan

| Sektor / Luas Tanah (ekar) | Pertanian | | Bukan-Pertanian | | | | Bil. Responden |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | Sektor Kerajaan | | Bukan Kerajaan | | |
| | Bil. | % | Bil. | % | Bil. | % | |
| 0 | | | 5 | 10 | 4 | 8 | 9 |
| 0.1 - 2 | 1 | 2 | 3 | 6 | 11 | 22 | 15 |
| 2.1 - 3 | 5 | 10 | 2 | 4 | 2 | 4 | 9 |
| 3.1 - 4 | 2 | 4 | 1 | 2 | | | 3 |
| 4.1 - 5 | | | | | | | |
| 5.1 - 6 | 2 | 4 | | | 1 | 2 | 3 |
| 6.1 - 7 | 1 | 2 | | | | | 1 |
| 7.1 - 8 | 1 | 2 | | | 1 | 2 | 2 |
| 8.1 - 9 | 2 | 4 | | | 1 | 2 | 3 |
| 9.1 - 10 | 1 | 2 | | | 1 | 2 | 2 |
| > 10 | 2 | 4 | 1 | 2 | | | |
| Jumlah | 17 | 34 | 12 | 24 | 21 | 42 | 50 |

Dari jadual juga didapati 6% responden dari sektor bukan pertanian yang bekerja dengan kerajaan, memiliki tanah seluas antara 0.1-2 ekar. Di samping itu, terdapat 22% responden yang tidak bekerja

dengan kerajaan memiliki keluasan tanah yang sama. Keluasan tanah yang sempit ini kebanyakannya hanyalah untuk kegunaan tapak rumah sahaja.

Dilihat dari segi sektor kerajaan dan bukan kerajaan didapati bahawa mereka yang bekerja makan gaji dengan kerajaan rata-rata tidak mempunyai tanah yang luas. Dari jadual 17, terdapat 3 orang responden memiliki tanah seluas antara 2.1-4 ekar dan seorang meiliki tanah lebih dari 10 ekar. Manakala mereka yang tidak bekerja dengan kerajaan terdapat 4 orang memiliki tanah lebih dari 5 ekar.

Bagi yang bekerja dengan kerajaan, mereka ini tidak begitu memerlukan tanah kerana mereka mempunyai pekerjaan yang tetap. Kehidupan mereka tidak begitu bergantung kepada tanah sebagai punca pendapatan sebagaimana petani. Sedangkan bagi mereka yang tidak bekerja dengan kerajaan, di mana kebanyakannya bekerja sendiri memiliki tanah adalah untuk melakukan kerja sampingan di bidang pertanian.

Jenis tanah yang dimiliki termasuklah tanah pertanian dan bukan pertanian seperti tapak rumah dan tanah 'terbiar' atau tanah yang diliputi belukar sahaja. Bagi responden yang bekerja di luar sektor pertanian, ada di kalangan mereka yang mendapat tanah secara warisan. Oleh kerana mereka telah mempunyai pekerjaan yang lain jadi mereka menyewakan tanah mereka kepada orang lain atau dibiarkan sahaja tanpa diusahakan. Di samping itu ada juga di kalangan mereka ini yang mengusahakan tanah mereka tetapi hanyalah sebagai kerja sampingan sahaja.

Namun begitu, perlu juga dinyatakan bahawa ada responden yang memiliki tanah yang terbiar dan tidak subur. Ini menyebabkan ramai dari mereka bekerja di luar sektor pertanian.

(ii) Pemilikan Tanah Pertanian

Jadual 18: Pemilikan Tanah Pertanian Di Kalangan 50 Orang Responden

| Luas tanah (ekar) | Bil. pemilik | % | Luas tanah (ekar) | % |
|---|---|---|---|---|
| 0 | 24 | 48 | 0 | 0 |
| 0.1 - 1 | 4 | 8 | 4 | 3 |
| 1.1 - 2 | 6 | 12 | 12 | 10 |
| 2.1 - 3 | 3 | 6 | 9 | 8 |
| 3.1 - 4 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 4.1 - 5 | 1 | 2 | 5 | 4 |
| 5.1 - 6 | 4 | 8 | 23.75 | 20 |
| 6.1 - 7 | 3 | 6 | 20.5 | 18 |
| 7.1 - 8 | 3 | 6 | 24 | 21 |
| > 8 | 2 | 4 | 19 | 16 |
| Jumlah | 50 | 100 | 117.25 | 100 |

Setelah ditinjau sebaran pemilikan tanah di kalangan mereka yang bekerja di sektor pertanian dan bukan pertanian, akan ditinjau pula taburan pemilikan tanah pertanian di kalangan responden.

Ini ditunjukkan dalam jadual 18 di atas. Dari jadual ini didapati keluasan tanah pertanian keseluruhannya adalah seluas 117.25 ekar. Terdapat 24 orang atau 48% responden tidak memiliki tanah

pertanian. Ini bermakna seramai 26 orang (52%) responden memiliki tanah pertanian. Dari jumlah ini hanya 17 orang responden sahaja yang mengusahakan tanah tersebut sebagai pekerjaan utama (rujuk jadual 12 bab IV). Manakala 9 orang yang lain tidak mengusahakan tanah tersebut sebagai pekerjaan utama mereka. Dari jumlah ini terdapat 3 orang responden hanya mengerjakan tanah sebagai pekerjaan sampingan, 3 orang menyewakan tanahnya kepada orang lain dan 3 orang yang lainnya membiarkan sahaja tanah tersebut tanpa diusahakan.

Dari jadual 18 ini juga ditunjukkan bilangan responden yang teramai adalah mereka yang memiliki tanah seluas antara 1.1 - 2 ekar, iaitu sejumlah 12%. Manakala mereka yang meiliki tanah seluas 0.1-1 ekar adalah sebanyak 8%. Jika jumlah ini dibandingkan dengan jadual 9 (bab III), yang menunjukkan keluasan semua jenis tanah yang dimiliki oleh responden terdapat kekurangan sebanyak 16%. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan tanah seluas itu adalah untuk kegunaan tapak rumah sahaja.

Di samping itu hanya 2 orang responden sahaja yang memiliki tanah lebih dari 8 ekar. Walau bagaimanapun dilihat dari segi keseluruhannya tidak terdapat penumpuan milik tanah di kalangan mereka.

## 5.2 Pemilikan Mengikut Kegunaan Tanah

Jadual 19: Keluasan Tanah Yang Dimiliki Mengikut Jenis Tanah

| Jenis tanah | Luas tanah (ekar) | Bil. pemilik | Tiada milik |
|---|---|---|---|
| Padi | 33 | 14 | 36 |
| Getah | 75.5 | 18 | 32 |
| Kebun | 8.75 | 3 | 47 |
| Tapak rumah | 40.25 | 36 | 14 |
| Lain-lain | 11.5 | 3 | 47 |
| Jumlah | 169 | - | - |

Jadual 19 menunjukkan pemilikan mengikut jenis-jenis tanah. Didapati jumlah semua tanah yang dimiliki oleh 50 orang responden ialah 169 ekar. Dari jumlah ini tanah getah merupakan tanah yang paling besar iaitu sejumlah 75.5 ekar. Ini diikuti oleh tanah untuk tapak rumah, tanah padi dan lain-lain.

Dari segi bilangan pemilik, sermaai 36 orang responden memiliki tapak rumah sendiri, ini merupakan bilangan pemilik yang paling ramai. Tanah getah merupakan tanah pertanian yang mempunyai pemilik yang ramai. Seramai 18 orang memiliki tanah getah manakala mereka yang memiliki tanah sawah hanya sejumlah 14 orang .

Bagi tanah yang dikategorikan di bawah jenis lain-lain, adalah merupakan tanah 'kosong' yang terbiar, atau tanah yang diliputi hutan sahaja. Terdapat 3 orang responden memiliki tanah dari kategori ini.

Keseluruhannya dari jadual ini didapati ramai dari responden tidak memiliki tanah sawah (36 orang) dan tanah getah (32 orang). Oleh itu tidak hairanlah ramai di kalangan responden tidak melibatkan diri dalam sektor pertanian.

Setelah dilihat jenis kegunaan dan pemilikan tanah secara keseluruhan, kini akan ditinjau pula pemilikan tanah bagi tiap-tiap jenis mengikut kegunaannya bagi setiap responden.

(i) Tanah Padi/Sawah

Walaupun dari segi keluasan tanah dan pemilik, tanah padi adalah kecil bilangannya jika dibandingkan dengan keluasan dan pemilik.

Jadual 20: Pemilikan Tanah Padi Di Kalangan Responden

| Keluasan (ekar) | Bil. Responden | % | Luas tanah | % |
|---|---|---|---|---|
| 0 | 36 | 72 | 0 | 0 |
| 0.1 - 1 | 4 | 8 | 4 | 12.1 |
| 1.1 - 2 | 4 | 8 | 8 | 24.2 |
| 2.1 - 3 | 4 | 8 | 12 | 36.3 |
| 3.1 - 4 | 1 | 2 | 4 | 12.1 |
| 4.1 - 5 | 1 | 2 | 5 | 15.2 |
| > 5 | 0 | 0 | | 0 |
| Jumlah | 50 | 100 | 33 | 99.9 |

tanah getah tetapi dari segi jumlah mereka yang mengerjakan sawah adalah lebih ramai darimereka yang menoreh getah. Dari jadual 12 (bab IV) yang menunjukkan pola pekerjaan responden terdapat seramai

12 orang (termasuk 5 orang yang mengerjakan padi dan getah sebagai kerja utama) merupakan penanam padi. Sementara itu dari dari jadual 14 (bab IV) yang menunjukkan kerja sampingan responden terdapat 8 orang yang bekerja sebagai penanam padi.

Merujuk kepada jadual 20, kita dapati pola pemilikan tanah sawah di kalangan responden. Keseluruhannya mereka ini memiliki tanah seluas kurang dari 5 ekar. Bilangan mereka yang paling ramai ialah mereka yang memiliki seluas 0.1-3 ekar iaitu seramai 12 orang. Hanya terdapat 2 orang sahaja yang memiliki tanah seluas antara 3.1-5 ekar yang membentuk keluasan sejumlah 9 ekar.

Dari sini jelas membuktikan bahawa petani Kampung Buluh ini memiliki tanah sawah yang kecil atau 'sempit'. Tanah yang sempit ini adalah tidak ekonomik untuk diusahakan dan hasil yang akan diperolehi juga sedikit.

(ii) Tanah Getah

Dari 18 orang yang memiliki tanah getah (Jadual 21) hanya terdapat 9 orang sahaja yang mengusahakan sendiri tanah getah mereka (lihat jadual 12). Ini bermakna dari jumlah keluasan yang besar tanah getah yang dimiliki oleh responden hanya sedikit sahaja yang dikerjakan. Ini adalah kerana terdapat responden yang tidak berdaya untuk mengusahakan disebabkan usia yang sudah tua dan uzur. Ada juga membiarkan sahaja kerana pokok getah tersebut sudah tua dan tidak mendatangkan hasil, dan ada yang memiliki tanah ini secara warisan/ pusaka sedangkan dia telah mempunyai pekerjaan yang tetap.

Di samping itu ada yang menyerahkan tanah mereka kepada pihak Risda untuk ditanam semula.

Jadual 21: Pemilikan Tanah Getah Di Kalangan Responden

| Keluasan (ekar) | Bil. responden | % | Luas tanah | % |
|---|---|---|---|---|
| 0 | 32 | 64 | 0 | 0 |
| 0.1 - 1 | 1 | 2 | 1 | 1 |
| 1.1 - 2 | 6 | 12 | 12 | 15 |
| 2.1 - 3 | 2 | 4 | 6 | 8 |
| 3.1 - 4 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 4.1 - 5 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 5.1 - 6 | 7 | 14 | 42 | 57 |
| > 6 | 2 | 4 | 14.5 | 19 |
| Jumlah | 50 | 100 | 75.5 | 100 |

Jadual 21 menunjukkan dengan lebih jelas pola pemilikan tanah getah dikalangan responden. Darijadual ini didapati jumlah semua keluasan tanah getah yang dimiliki oleh responden sejumlah 75.5 ekar. Seramai 32 orang atau 64% responden tidak memiliki tanah getah.

Kategori keluasan yang mempunyai pemilik yang teramai ialah dari kategori keluasan antara 5.1-6 ekar. Terdapat seramai 7 orang (14%) mereka yang tergolong dalam kumpulan ini. Ini diikuti pula oleh mereka yang tergolong dalam kategori pemilikan tanah getah seluas 1.1-2 ekar iaitu seramai 6 orang atau 12%.

Oleh itu, boleh dikatakan bahawa pola pemilikan tanah getah di kalangan responden adalah lebih kurang sekata. Masing-masing mewakili 18% dari jumlah responden bagi tiap-tiap kategori tanah yang kurang dari 5 ekar dan tanah yang lebih dari 5 ekar.

Dari segi keluasan, tanah yang kurang dari 5 ekar membentuk 19 ekar dari jumlah keseluruhan tanah manakala lebih dari 5 ekar membentuk sejumlah 56.5 ekar.

(iii) Tanah Kebun

Tanah kebun merupakan tanah yang digunakan untuk menanam pelbagai jenis tanaman seperti sayur-sayuran, jagung, pisang dan sebagainya. Biasanya tanah ini terletak berhampiran dengan tempat kediaman responden kerana jenis tanaman begini memerlukan penjagaan yang rapi.

Dari jadual 22 didapati hanya 3 orang responden sahaja yang memiliki tanah kebun.

Jadual 22: Pemilikan Tanah Kebun Di Kalangan Responden

| Keluasan (ekar) | Bil. Responden | % | Luas Tanah | % |
|---|---|---|---|---|
| 0 | 47 | 94 | 0 | 0 |
| 1 - 2 | 2 | 4 | 3 | 34 |
| 3 - 4 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 5 - 6 | 1 | 2 | 5.75 | 66 |
| Jumlah | 50 | 100 | 8.75 | 100 |

Dari segi keluasan hanya terdapat seorang sahaja responden yang memiliki lebih dari 5 ekar. Beliau ini mengusahakan penanaman jagung dan pisang sebagai mata pencarian utamanya. Selebihnya adalah mereka yang memiliki tanah antara 1-2 ekar. Biasanya kegunaan tanah tidak memerlukan bidang tanah yang luas, tambahan pula jika usaha ini dilakukan hanya sebagai pekerjaan sambilan sahaja seperti yang dilakukan oleh 2 orang responden tersebut.

(iv) Tapak Rumah

Jadual 23 di bawah menunjukkan taburan pemilkan tanah tapak rumah di kalangan responden.

Jadual 23: Pemilikan Tanah Tapak Rumah Di Kalangan Responden

| Keluasan (ekar) | Bil. Responden | % | Luas Tanah | % |
|---|---|---|---|---|
| 0 | 14 | 28 | 0 | 0 |
| 0 - 0.9 | 18 | 36 | 7.25 | 18.0 |
| 1 - 1.9 | 9 | 18 | 9 | 22.4 |
| 2 - 2.9 | 4 | 8 | 9 | 22.4 |
| 3 - 3.9 | 5 | 10 | 15 | 37.2 |
| Jumlah | 50 | 100 | 40.25 | 100 |

Dari jadual ini kita dapati seramai 36% responden memiliki tapak rumah seluas kurang dari 1 ekar. Keluasan tapak rumah yang di sini biasanya seluas ½ ekar, ¼ dan $\frac{1}{8}$ ekar. Terdapat 10% mereka yang memiliki tanah tapak rumah antara 3-3.9 ekar. Mereka yang memiliki tanah tapak rumah yang agak luas iaitu lebih dari 1 ekar biasanya

mengusahakan pelbagai tanaman di sekitar kawasan rumah. Hasil dari kebun ini adalah untuk keperluan sendiri dan juga untuk dijual di pasar.

Dari 28% mereka yang tidak memiliki tanah tapak rumah ini 7 orang atau 14% adalah mereka yang menyewa rumah orang lain di kampung ini. Sementara selebihnya terdiri dari mereka yang menumpang di tanah keluarga seramai 5 orang dan 2 orang lagi menumpang di tanah kepunyaan kerajaan.

## 5.3 Kategori-Kategori Pemilik Tanah

Mereka yang memiliki tanah, khususnya tanah pertanian dapat pula diklasifikasikan kepada kategori tertentu mengikut penggunaan terhadap tanah.

Jadual 25 menunjukkan kategori-kategori tersebut dan keluasan tanah yang dimiliki.

Jadual 24: Kategori-Kategori Pemilik Serta Keluasan Tanah Yang Dimiliki

| Kategori Pemilik | Keluasan (ekar) | | | | | | | | | Bil. Responden |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 0 | 0.1-1 | 1.1-2 | 2.1-3 | 3.1-4 | 4.1-5 | 5.1-6 | 6.1-7 | >7 | |
| Tuan tanah | | | | | | 1 | 1 | | 1 | 3 |
| Pemilik/Pengerja dan tuan tanah | | | | | | | | | 1 | 1 |
| Pemilik/Pengerja | | 3 | 3 | 1 | | | 1 | 2 | | 10 |
| Pemilik/Pengerja dan penyewa | | | | 1 | 1 | 1 | | 1 | | 4 |
| Penyewa | | 1 | 5 | | | 1 | | | | 7 |
| Lain-lain | | | | | | | | | 1 | 1 |
| Tidak terlibat dengan pertanian | 24 | | | | | | | | | 24 |
| Jumlah | 24 | 4 | 8 | 2 | 1 | 3 | 2 | 3 | 3 | 50 |

(i) Tuan Tanah

Tuan tanah ialah mereka yang memiliki tanah tetapi tidak mengerjakan tanah mereka, sebaliknya mereka ini menyewakan tanah mereka kepada orang lain. Dari jadual 24 didapati seramai 3 orang responden dalam kategori ini. Biasanya mereka ini mempunyai bidang tanah yang agak luas. Ini terbukti dari jadual di mana masing-masing mempunyai keluasan tanah 5 ekar, 6 ekar dan lebih dari 7 ekar.

Mereka ini menyewakan tanah mereka kerana beberapa sebab. Dua orang dari responden ini adalah peniaga. Oleh yang demikian mereka tidak mempunyai masa untuk mengerjakan tanah mereka. Golongan peniaga merupakan golongan yang agak 'berada' dan ini memungkinkan mereka memiliki tanah yang luas. Seorang lagi pemilik tanah ialah ketua kampung ini, beliau menyewakan tanahnya kepada orang lain kerana sudah tua dan tidak ada pembantu untuk mengerjakan tanahnya.

(ii) Kategori Pemilik/Pengerja Dan Tuan Tanah

Mereka yang di dalam kategori ini adalah mereka yang mengerjakan tanah sendiri di samping menyewakan tanah mereka yang selebihnya kepada orang lain. Merujuk kepada jadual 24 hanya seorang sahaja responden yang tergolong dalam kategori ini. Keluasan tanah yang dimilikinya adalah lebih dari 7 ekar.

Petani ini terpaksa menyewakan tanah mereka kepada orang lain kerana tidak berdaya mengusahakan semua tanah mereka. Ini kerana kurangnya tenaga kerja yagn dapat membantu seperti ahli-ahli keluarga yang lain. Biasanya mereka ini mempunyai bidang tanah yang agak luas.

(iii) Kategori Pemilik/Pengerja

Kategori yang ketiga ini adalah terdiri dari pemilik tanah sendiri dan mengerjakan tanah mereka sendiri. Dari jadual yang sama didapati seramai 10 orang responden tergolong di dalam kategori ini. Ini merupakan jumlah yang paling ramai dibandingkan dengan kategori-kategori lain.

Dari segi luas tanah yang diusahakan, jelas menunjukkan ramai di antara mereka mengusahakan bidang tanah yang sempit. Iaitu terdapat 3 orang yang mengerjakan tanah seluas 0.1-1 ekar, sejumlah 3 orang juga mengerjakan tanah antara 1.1-2 ekar dan seorang mengerjakan tanah seluas antara 2.1-3 ekar. Ini menjadikan jumlah seramai 7 orang mengerjakan tanah seluas antara 0.1-3 ekar.

Hanya 3 orang sahaja yang mengusahakan tanah mereka sendiri lebih dari 5 ekar. Di sini jelas menunjukkanbahawa walaupun terdapat ramai yang memiliki dan mengerjakan tanah sendiri tetapi keluasan tanah yang dikerjakan oleh tiap-tiap responden adalah sempit. Fenomena ini memberi kesan kepada hasil yang akan diperolehi oleh mereka.

(iv) Kategori Pemilik/Pengerja Dan Penyewa

Kategori ini adalah mereka yang memiliki tanah dan mengerjakan sendiri tanah mereka di samping menyewa tanah orang lain. Mereka ini biasanya menyewa tanah orang lain dengan tujuan untuk menambahkan pendapatan yang mereka perolehi. Merujuk kepada jadual yang sama terdapat 4 orang responden dalam kategori ini.

Dari segi keluasan tanah yang diusahakan, hanya seorang sahaja yang memiliki tanah seluas antara 6.1-7 ekar. Mereka yang selebihnya adalah dari kategori keluasan 2.1-3 ekar, 3.1-4 ekar dan dan 5.1-6 ekar. Sebenarnya dari 4 orang responden, 3 daripadanya mempunyai tanah sendiri masing-masing seluas 2 ekar dan seorang memiliki tanah seluas 5 ekar. Manakala tanah yang selebihnya adalah disewa dari orang lain. Perlu dinyatakan di sini bahawa hanya seorang sahaja responden yang menyewa jenis tanah yang sama kegunaannya dengan tanah yang dikerjakannya sendiri iaitu tanah sawah. Beliau menambahkan keluasan tanah sawahnya untuk menambahkan pendapatannya. Sementara yang lainnya pula terdiri dari mereka yang memiliki tanah getah dan menyewa dari orang lain tanah sawah. Ini kerana mereka tidak mempunyai tanah sawah, sedangkan beras adalah sumber makanan utama, oleh

itu mereka mengerjakan sawah padi untuk keperluan makanan di samping menambahkan juga pendpaatan sekiranya terdapat lebihan dari keperluan untuk simpanan.

(v) Kategori Penyewa

Mereka ini adalah tergolong dalam kategori mereka yang tidak memiliki tanah yang boleh diusahakan. Di antara mereka ini, ada yang terpaksa menyewa tanah orang lain untuk menambahkan pendapatan dari kerja-kerja di luar sektor pertanian yang mereka lakukan, ada juga yang menyewa tanah atas keperluan untuk menanam padi sebagai sumber makanan. Dengan menanam padi mereka dapat mengelakkan dari membeli beras.

Dari jadual 24, didapati golongan penyewa ini merupakan golongan yang kedua ramai selepas golongan pemilik/pengerja tanah. Terdapat 7 orang yang mengamalkan cara ini. Dari segi luas tanah yang disewa, terdapat 5 orang yang menyewa tanah seluas antara 1.1-2 ekar. Ini jelas menunjukkan bahawa kebanyakan mereka menyewa bidang tanah yang kecil. Mereka ini tidak dapat menyewa tanah yang luas kerana mereka kekurangan modal untuk membayar sewa tanah tersebut. Lagipun bagi mereka yang menyewa tanah sawah hanya untuk untuk sumber makanan semata-mata, mereka tidak memerlukan bidang tanah yang luas.

Perlu dinyatakan di sini bahawa, kategori lain-lain dalam jadual yang sama adalah bagi kategori responden yang mengerjakan tanah sendiri di samping menyewa tanah orang lain untuk menambahkan keluasan tanah dan menyewakan tanah sendiri pada orang lain. Keadaan ini berlaku

di mana petani menyewa tanah sawah orang lain untuk menambah keluasan tanah sewanya dan sebahagian dari tanah getah yang dimilikinya disewakan kepada orang lain kerana tidak berupaya mengerjakan kesemuanya.

Sementara itu terdapat 24 orang responden tidak terlibat secara langsung dengan aktiviti pertanian. Keseluruhannya golongan pemilik/pengerja dan golongan penyewa merupakan kategoir pemilik yang teramai. Namun begitu dari segi luas tanah yang diusahakan oleh mereka, rata-rata adalah kurang dari 5 ekar. Kategori pemilik/pengerja dan tuan tanah merupakan bilangan yang kecil iaitu hanya seorang responden sahaja. Ini bersesuaian dengan taburan pemilikan tanah pertanian jadual 18 di mana hanya 2 orang responden atau 4% yang memiliki tanah lebih dari 8 ekar. Biasanya mereka yang mengerjakan tanah sendiri dan menyewakan tanah kepada orang lain adalah mereka yang memiliki tanah yang luas.

## 5.4 Sistem Sewa Dan Pawah

Petani-petani yang tidak memiliki ataupun tidak cukup tanah boleh mendapatkan tanah untuk diusahakan melalui sistem sewa dan pawah ini. Dalam kajian ini pengkaji mendapati ramai di kalangan penduduk di kampung ini mengamalkan sistem ini.

Antara jenis tanah yang disewa ialah tanah sawah. Cara pembayaran sewa yang biasa diamalkan ialah secara sewa tunai. Mengikut cara ini penyewa terpaksa membayar sejumlah wang yang ditentukan dari awal lagi tanpa mengira hasil yang akan diperolehi oleh penyewa. Bagi

penduduk kampung ini kadar sewaan yang dikenakan adalah berbeza-beza bagi setiap ekar. Kadar sewaan yang biasa dikenakan ialah sebanyak \$100, \$150 dan \$200 bagi setiap 1 ekar tanah sawah. Kadar sewaan ini ditentukan mengikut kehendak tuan tanah yang menyewakan tanah mereka.

Sistem pawah pula, kebanyakan diamalkan oleh mereka yang menoreh getah di kampung ini. Walau bagaimanapun ianya dipraktiskan juga di kalangan penanam padi.

Mengikut sistem ini, seorang petani mengerjakan tanah orang lain dan hasilnya akan dibahagi dua antara petani dan tuan-tanah. Bagi penanam padi, hasil tersebut boleh dibayar secara wang tunai ataupun padi.

Perlu dinyatakan juga bahawa pengerjaan ke atas tanah oleh penyewa dan mereka yang memawah ini boleh dilakukan bagi tempoh satu musim (padi) ataupun bagi tempoh beberapa musim. Sementara getah yang dikerjakan secara pawah, ada yang ditentukan tempohnya dan ada yang tidak. Ini bergantung kepada kehendak tuan tanah.

Walau bagaimanapun, apa yang mustahak di sini ialah melalui sistem sewa dan pawah ini, hasil pendapatan yang diterima oleh petani adalah rendah jika dibandingkan dengan mereka yang tidak menyewa tanah orang lain. Ada juga petani yang tidak mampu membayar sewa tanah. Di samping itu mereka yang menyewa terpaksa menanggung risiko jika tanaman yang diusahakan tidak menjadi sedangkan sewa tanah perlu dijelaskan.

Keadaan-keadaan seperti ini juga mempengaruhi penduduk kampung ini sama ada untuk melakukan aktiviti pertanian atau tidak.

## 5.5 Cara-Cara Memiliki Tanah

Corak pemilikan tanah di kalangan penduduk luar bandar khususnya petani mempunyai kaitan rapat dengan cara bagaimana mereka memiliki tanah tersebut. Dari kajian pengkaji terhadap penduduk kampung ini terdapat beberapa cara bagaimana seseorang itu mendapat tanah, antaranya:

### (i) Cara Pusaka

Menurut cara ini seseorang itu memiliki tanah yang ditinggalkan oleh ibubapa dan warisnya yang meninggal dunia. Dalam Islam telah ditetapkan hukum bagi menentukan siapa yang layak mewarisi peninggalan tersebut. Mengikut hukum ini telah ditetapkan mereka yang berhak menerima dari segi jantina dan ditentukan pula jumlah keluasan yang sepatutnya diterima. Dari kajian ini terdapat 30% responden cara mereka mula-mula memiliki tanah adalah menurut cara ini. Implikasi dari cara ini terdapat pemecahan tanah kepada yunit-yunit yang lebih kecil.

### (ii) Cara Belian

Dengan cara ini seseorang yang hendak mendapatkan tanah hanya perlu mengadakan wang yang secukupnya. Mereka yagn mempunyai banyak wang dapat menambahkan keluasan tanah yang ada. Terdapat 20% responden membeli tanah yang mula-mula mereka miliki.

(iii) Cara Teroka

Cara pemilikan seterusnya ialah secara teroka. Cara ini dilakukan dengan seseorang itu membuka sendiri tanah yang diperlukan. Dengan tenaga empat kerat sahaja seseorang itu dapat memiliki tanah. Biasanya cara teroka ini dilakukan semasa mula-mula satu kawasan atau kampung itu hendak dibuka. Ini selalunya dilakukan secara berkumpulan.

(iv) Cara Hadiah

Mereka yang menerima tanah sebagai hadiah, biasanya dihadiahkan semasa perkahwinan oleh orang tua mereka. Ada juga yang memiliki tanah yang dihadiahkan oleh kerajaan. Sebagai contoh dalam kajian ini ketua kampung ada menerima tanah yang dihadiah oleh kerajaan kepada beliau.

Secara keseluruhannya cara pemilikan tanah yang utama di kampung ini ialah secara pusaka, dan teroka ini diikuti pula pemilikan secara belian.

Sebagai rumusan dari bab ini, didapati ramai dari responden yang tidak memiliki tanah dan mempunyai keluasan tanah yang 'sempit'. Walaupun terdapat tanah pertanian tetapi tidak banyak yang diusahakan. Rata-rata keluasan tanah yang diusahakan itu adalah sempit. Terdapat ramai juga yang tidak memiliki tanah pertanian dan terpaksa menyewa tanah orang lain. Di kampung itu boleh dikatakan tidak ada golongan yang boleh dikatakan tuan tanah yang memiliki jumlah tanah yang luas.

Dengan keluasan tanah pertanian yang kecil menyebabkan hasil yang diperolehi tidak seberapa. Oleh itu ramai di kalangan penduduk kampung cuba mencari peluang pekerjaan lain di luar sektor pertanian.

Sebagaimana yang telah dinyatakan di awal penulisan ini, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mendapatkan suatu gambaran tentang keadaan kemiskinan di Kampung Buluh Hulu. Pengkaji telah memberikan tumpuan terhadap masalah pekerjaan dan pemilikan tanah di kalangan masyarakat di sana.

Penduduk kampung ini merupakan masyarakat luar bandar yang melakukan berbagai-bagai kegiatan ekonomi mereka ini terdiri daripada petani dan bukan patani. Walau bagaimanapun terdapat juga mereka yang menggabungkan kedua-dua pekerjaan di bidang pertanian dan bukan tanian ini sebagai punca pendapatan mereka.

Dari kajian, pengkaji mendapati ramai penduduk kampung ini yang masih berada di tahap kemiskinan. Berdasarkan kepada responden yang ditemui, sejumlah 64% dari mereka memperolehi pendapatan antara $50-$300 sebulan (Jadual 5 bab III). Sedangkan, garis kemiskinan yang diberikan untuk tahun 1985 seperti yang dinyatakan oleh Syed Othman Al-Habshi (Generasi, April 1985) adalah sebanyak $380.

Pendapatan rendah yang diperolehi oleh penduduk di sini adalah berpunca dari daya pengeluaran rendah dan tidak mempunyai keupayaan dari segi pemilikan modal, tanah serta lain-lain punca pengeluaran.

## BAB VI

## RUMUSAN

Sebagaimana yang telah dinyatakan di awal penulisan ini, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mendapatkan suatu gambaran tentang keadaan kemiskinan di Kampung Buluh Hulu. Pengkaji telah memberikan tumpuan terhadap masalah pekerjaan dan pemilikan tanah di kalangan masyarakat di sana.

Penduduk kampung ini merupakan masyarakat luar bandar yang melakukan berbagai-bagai kegiatan ekonomi mereka ini terdiri daripada petani dan bukan petani. Walau bagaimanapun terdapat juga mereka yang menggabungkan kedua-dua pekerjaan di bidang pertanian dan bukan tanian ini sebagai punca pendapatan mereka.

Dari kajian, pengkaji mendapati ramai penduduk kampung ini yang masih berada di tahap kemiskinan. Berdasarkan kepada responden yang ditamui, sejumlah 64% dari mereka memperolehi pendapatan antara $50-$300 sebulan (Jadual 5 bab III). Sedangkan, garis kemiskinan yang diberikan untuk tahun 1985 seperti yang dinyatakan oleh Syed Othman Al-Habshi (Generasi, April 1985) adalah sebanyak $380.

Pendapatan rendah yang diperolehi oleh penduduk di sini adalah berpunca dari daya pengeluaran rendah dan tidak mempunyai keupayaan dari segi pemilikan modal, tanah serta lain-lain punca pengeluaran.

Golongan miskin di kampung ini terdiri dari golongan penanam padi dan penoreh getah. Pendapatan golongan ini rata-rata adalah di antara $50-$300 sebulan. Masalah utama yang dihadapi oleh mereka ialah hasil pengeluaran yang rendah akibat dari pengerjaan ke atas bidang tanah yang kecil. Mereka mengusahakan tanah seluas antara 1-3 ekar. Ini telah ditunjukkan dalam jadual 24 di dalam bab V.

Tanah yang sempit adalah tidak ekonomik untuk diusahakan. Pemilikan yang kecil ini adalah akibat dari sistem pemilikan tanah secara warisan mengikut ugama Islam yang memecahkan bidang-bidang tanah mengikut sistam faraid di mana tanah dibahagi-bahagikan di antara beberapa orang ahli keluarga.

Petani juga menghadapi masalah lain seperti masalah kekurangan air di sawah-sawah yang menyebabkan banyak tanah sawah yang kering dan terbiar.. Bencana alam seperti banjir yang melanda kampung ini setiap tahun menyebabkan penanaman padi dua kali setahun tidak dapat dijalankan. Petani juga mengalami masalah kekurangan tenaga buruh untuk mengerjakan tanah mereka kerana tiada bantuan dari ahli-ahli keluarga yang lain. Kebanyakan dari anak-anak responden telah keluar dari kampung ini untuk bekerja di tempat lain. Bagi mereka yang sudah tua, mereka tidak lagi terdaya mengusahakan tanah yang luas. Mereka juga mengalami kekurangan modal untuk membeli keperluan-keperluan pertanian seperti baja, racun serangga dan alat-alat pertanian yang lain. Faktor-faktor yang disebutkan ini menyebabkan pengeluaran yang dihasilkan adalah rendah dan memperolehi pendapatan yang rendah dan tidak stabil.

Masalah-masalah ini jugalah yang menyebabkan ramai penduduk kampung ini menukar pekerjaan bertani kepada kerja-kerja bukan pertanian. Dan ada juga yang menjalankan kerja pertanian sebagai kerja sambilan sahaja. Jadual 12 (bab IV) menunjukkan 60% dari responden terlibat dengan pekerjaan di luar sektor pertanian.

Walau bagaimanapun, ini tidak juga dapat mengatasi masalah mereka. Oleh kerana ramai dari mereka yagn tidak mempunyai pelajaran tinggi (hampir 50% responden tidak bersekolah lihat jadual 2, bab III). Jadi, mereka ini hanya dapat melakukan pekerjaan seperti buruh dan kerja-kerja kampung lain seperti tukang rumah, penjual kuih, pengasuh, guru Quran dan sebagainya. Dari segi pendapatan, kerja-kerja seperti ini juga tidak menghasilkan pendapatan yang memuaskan. Rata-rata mereka memperolehi pendapatan bulanan kurang dari $300.

Berkait dengan pemilikan tanah pula, hampir semua responden mempunyai tanah, kecuali 9 orang yang menyewa rumah orang lain di kampung ini (Jadual 9 bab III). Dari jumlah ini lebih kurang 50% daripada mereka memiliki tanah pertanian dan selebihnya tidak memiliki tanah pertanian langsung (lihat Jadual 18 bab V). Mereka yang tidak memiliki tanah pertanian ini hanya memiliki tanah untuk tapak rumah sahaja.

Walaupun 50% responden memiliki tanah pertanian namun keluasan tanah yang dimiliki oleh mereka adalah kecil. Dari kajian ini didapati purata keluasan tanah sawah yang dimiliki oleh 14 orang responden ialah seluas 2 ekar. Sementara purata tanah getah bagi

18 orang responden seluas 4 ekar. Di sini pula menunjukkan mereka ini memiliki tanah yang agak sempit dan tidak berupaya menghasilkan pengeluaran yang tinggi.

Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat seorangpun dari responden memiliki tanah sawah lebih dari 5 ekar (Jadual 20 bab V). Bagi pemilikan tanah getah walaupun pengkaji mendapati sejumlah 7 orang atau 14% memiliki tanah antara 5-6 ekar tetapi tidak ada seorang dari mereka mengusahakan tanah seluas itu. Mereka hanya mengerjakan tanah seluas 1-2 ekar sahaja sebabnya adalah seperti yang telah dinyatakan di dalam bab sebelum ini.

Bagi mereka yang tidak memiliki tanah pertanian tetapi tiada pilihan lain selain dari bertani, mereka terpaksa pula menyewa tanah orang lain untuk diusahakan. Kerana kekurangan modal mereka tidak dapat menyewa tanah yang luas, cuma 1-2 ekar sahaja oleh kerana terpaksa membayar kos sewaan, pendapatan mereka adalah sedikit jika dibandingkan dengan mereka yang memiliki tanah sendiri. Dari jadual 24 (bab V) pengkaji mendapat 7 orang responden yang terlibat sebagai penyewa.

Dari sini pengkaji dapat menyimpulkan bahawa kebanyakan masyarakat kampung ini memiliki tanah yang sempit, dan ada juga yang tidak memiliki tanah langsung. Dari responden yang ditemui 54% terdiri dari mereka yang memiliki tanah kurang dari 5 ekar. Manakala 18% yang tidak memiliki tanah langsung. Sementara itu 28% lagi memiliki tanah seluas lebih dari 5 ekar. Mereka yang mempunyai tanah ini terpaksa pula menghadapi masalah-masalah lain seperti tanah yang tidak

subur menyebabkan hasil yang mereka dapati sedikit. Inilah yang menyebabkan ramai yang tidak lagi bergantung kepada sektor pertanian sebagai punca pencarian yang utama.

Penumpuan hak milik tanah seperti yang dinyatakan oleh Syed Husin Ali[1] tidak begitu ketara di kampung ini. Ini dapat dilihat hanya 8 ekar sahaja tanah pertanian yang paling banyak dimiliki. Keluasan tanah yang dimiliki oleh penduduk di sini tidak banyak bezanya. Terdapat 14 orang memiliki tanah pertanian kurang dari 5 ekar dan 12 orang memiliki 5-8 ekar. (Jadual 18).

Merujuk kepada teori yang digunakan dalam bab II kita dapat lihat bahawa keadaan-keadaan seperti yang telah di[illegible]utkan di atas bersesuaian dengan apa yang dikatakan oleh Kamal Salih iaitu golongan miskin tidak mempunyai keupayaan pendapatan, tidak mempunyai access kepada sumber kuasa sosial seperti pemilikan punca-punca keluaran, pendidikan dan lain-lain. Ini bertepatan seperti apa yang dikatakan oleh Ungku Aziz iaitu:

> 'Poverty arises because of inequality in the distribution of income and inequality in the distribution of wealth'. (1964 : 75).

---

[1] Ini didapati dari beberapa tulisan beliau, antaranya:

(i) Syed Husin Ali, Apa Erti Pembangunan, DBP, 1976.
(ii) ______________, Malay Peasant Society and Leadership, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1975.
(iii) ______________, Land Concentration and Poverty among the Rural Malays, Nusantara, No. 1, Januari 1972.

Cadangan

Melihat kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk di sini, beberapa langkah boleh diambil untuk mengatasi masalah kemiskinan di kampung ini. Di antaranya:

1. Pihak kerajaan boleh mengambil inisiatif melalui agensi seperti MARDI untuk memulihkan tanah yang terbiar. MARDI boleh menjalankan kajian bagi menentukan tanah tersebut sesuai untuk dengan tanaman lain yang boleh menguntungkan para petnai. Kawasan terbiar ini juga boleh dijadikan kawasan penternakan binatang seperti kerbau, lembu dan sebagainya. Secara tidak langsung ini akan dapat membantu memberi peluang pekerjaan kepada mereka yang menganggur.

2. Memandangkan hanya guru dan peniaga sahaja yang berpendapatan lebih dari $500 sebulan, pengkaji mencadangkan agar bidang perniagaan patut diceburi oleh lebih ramai penduduk. Ini kerana bidang perniagaan tidak memerlukan kelulusan pelajaran tinggi, hanya ketekunan dan kesabaran menjalankan perniagaan sahaja. Tambahan pula kampung ini sekarang menjadi pusat bandar bagi daerah Setiu. Ini merupakan peluang yang baik bagi masa depan golongan peniaga. Lebih-lebih lagi dengan kedudukan kampung ini yang terletak antara perjalanan dari Kuala Terengganu ke Kota Baru di Kelantan.

   Untuk ini kemudahan-kemudahan seperti tempat untuk berniaga perlu disediakan dan keutamaan hendaklah diberikan kepada mereka yang benar-benar tidak memiliki tanah.

3. Selain dari dua cara yang disebutkan di atas, usaha-usaha memajukan sektor pertanian perlu diperbanyakkan memandangkan banyak masalah dibidang pertanian. Antaranya memberikan kemudahan tempat-tempat pertanian seperti baja dan racun serangga, kemudahan-kemudahan kredit, dan sistem pengembangan 2L (Lawatan dan Latihan) hendaklah dipergiatkan.

Akhir sekali, haruslah dipastikan setiap usaha yang mahu dilakukan untuk mengatasi masalah penduduk kampung ini mendapat perhatian semua pihak demi untuk menghapuskan setidak-tidaknya dapat mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan penduduk luar bandar.

************

# BIBLIOGRAFI

A. Teks

Leedy, Paul D. 1974 — Practical Research: Planning and Design, Mac Millan Publishing Company, New York.

Marshall, R. 1974 — Rural Workers in Rural Labor Markets, Olympus Publishing Company, Salt Lake City, Utah

Roach, J.L and Roach, J.K. 1972 — Poverty, Penguin Books. London.

Rowntree, B.S. and Lavers, F.R. 1951 — Poverty and the Welfare State: A Third Social Survey of York, Longman.

Swift, M.G. — Capital, Saving and Credit in Malay Peasant Economy, Aldine Publishing Company, Chicago.

Syed Husin Ali, 1975 — Malay Peasant Society and Leadership, Oxford University Press, Kuala Lumpur

______, 1976 — Apa Erti Pembangunan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur

______, 1978 — Kemiskinan dan Kelaparan Tanah di Kelantan, Karangkraf, Petaling Jaya

Young, K. et al, 1980 — Malaysia, Pertumbuhan dan Keadilan Dalam Masyarakat Majmuk, Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur

B. Jurnal Dan Majalah

Chamhuri Siwar April 1975 — 'Penyusunan Semula Masyarakat Melalui Reformasi Tanah', Dewan Masyarakat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur

Dahlan H.M. 1981 — 'Klasifikasi Luar Bandar Dari Perspektif Sosio-Budaya', Jurnal Antropologi dan Sosiologi, Jil. 9.

Hairi Abdullah Mac 1975 — 'Masalah Pemilikan Tanah Dan Implikasinya', Syarahan Felda, Monograf (2), Jabatan Antropologi & Sosiologi Universiti Kebangsaan Malaysia.

LAMPIRAN

JUN 1985

NO. SIRI: NEGERI [ ] 1; KAMPUNG [ ][ ] 3; NO. SAMPEL [ ][ ] 5

[0][1] 7

KAJIAN KEMISKINAN DI MALAYSIA

UNIVERSITI MALAYA

BORANG SOAL SELIDIK

NAMA RESPONDEN ______________________________

ALAMAT RUMAH ______________________________

______________________________

| | TEMUDUGA | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| LAWATAN | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| TARIKH | | | | | |
| MASA MULA | | | | | |
| MASA TAMAT | | | | | |

TARAF TEMUDUGA ( ✓ ) : 1. LENGKAP 2. TAK LENGKAP [ ] 9

PEMBANTU KERJALUAR ______________________________ [ ][ ] 10

PENYELIA ______________________________ [ ] 11

---

TARIKH KEY PUNCHING: ______________________________

TARIKH PENGESAHAN : ______________________________

*I. MAKLUMAT KETUA RUMAH DAN KELUARGANYA (A - D)*

*A: BUTIR-BUTIR MENGENAI SEISI RUMAH DAN ANGKUBAH ASAS DEMOGRAFI*

| Bil. Seisi Rumah | Nama anggota Seisi rumah | Perhubungan (a) | Bangsa (b) | Jantina (c) | Tarikh Lahir: Bulan | Tarikh Lahir: Tahun | Tahap pelajaran (d) | Status kerja (e) | Status kahwin (f) | Tempat duduk (g) | Jumlah pendapatan sebulan ($) | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 01 | | 12 | 13 | 14 | 15 | 17 | 19 | 21 | 22 | 23 | 24 – 28 | |
| 02 | | 29 | 30 | 31 | 32 | 34 | 36 | 38 | 39 | 40 | 41 – 45 | |
| 03 | | 46 | 47 | 48 | 49 | 51 | 53 | 55 | 56 | 57 | 58 – 62 | |
| 04 | | 63 | 64 | 65 | 66 | 68 | 70 | 72 | 73 | 74 | 75 – 79 | 1 0 |
| 05 | | 8 | 9 | 10 | 11 | 13 | 15 | 17 | 18 | 19 | 20 – 24 | |
| 06 | | 25 | 26 | 27 | 28 | 30 | 32 | 34 | 35 | 36 | 37 – 41 | |
| 07 | | 42 | 43 | 44 | 45 | 47 | 49 | 51 | 52 | 53 | 54 – 58 | |
| 08 | | 59 | 60 | 61 | 62 | 64 | 66 | 68 | 69 | 70 | 71 – 75 | 1 0 |
| 09 | | 8 | 9 | 10 | 11 | 13 | 15 | 17 | 18 | 19 | 20 – 24 | |
| 10 | | 25 | 26 | 27 | 28 | 30 | 32 | 34 | 35 | 36 | 37 – 41 | |

a. ketua isi rumah - 1
isterinya - 2
bapa/ibu ketua - 3
anak - 4
saudara mara - 5
kawan/sahabat - 6
penyewa 7
lain - 9

b. Melayu - 1
Cina - 2
India 3
Lain - 9

c. Lelaki - 1
Perempuan - 2

d. Tidak bersekolah - 0
Darjah 1 - 1
2 - 2
3 - 3
4 - 4
5 - 5
6 - 6
Ting 1 - [illegible]
2 - [illegible]
3 - 9
4 - 10
5 - 11
Ting. 6 bawah - 12
Ting 6 Tinggi/Atas - 13
Kolej - 14
Universiti - 15
Pelajaran selepas sekolah - 16
Tadika - 17
Remove/Peralihan - 18
Lain-lain - 19

e. Masih bersekolah - 1
Majikan - 2
Pekerja bergaji - 3
Pekerja keluarga yang tidak bergaji - 5
Tidak bekerja - 6
Lain-lain - 9

f. Bujang - 1
Kahwin - 2
Tidak tinggal Bersama - 3
Bercerai - 4
Duda/Janda - 5
Lain-lain - 9

g. Duduk rumah - 1
Duduk lain tempat - 2

4.4 Pekerjaan sambilan ____ Tidak (0) ____ Ya (1) ☐ 13

| | | | Jenis | | Tempoh/ Tahun | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 4.5 | Pekerjaan sambilan | 1. | ________ | 4.6 | ________ | 14 ☐☐ 15 16 ☐☐ 17 |
| 4.7 | | 2. | ________ | 4.8 | ________ | 18 ☐☐ 19 20 ☐☐ 21 |
| 4.9 | Pekerjaan Dahulu | 1. | ________ | 4.10 | ________ | 22 ☐☐ 23 24 ☐☐ 25 |
| 4.11 | | 2. | ________ | 4.12 | ________ | 26 ☐☐ 27 28 ☐☐ 29 |
| 4.13 | Alasan meninggalkan Pekerjaan | 1. | ________ | | | ☐ 30 |
| | | 2. | ________ | | | ☐ 31 |
| 4.14 | | | | | | |

5) Adakah cita-cita untuk menukar pekerjaan sekarang? ☐ 32

Tentu (1) — Mungkin (2) — Tidak Mungkin (3) — Tidak (4) — Tidak Tahu (5)

6) Sekiranya ada kemungkinan menukar pekerjaan, apa jenis pekerjaan yang disukai?

________ (jenis) ________ (sektor) 33 ☐☐ 34 ☐ 35

7) Pernahkah keluar dari Mukim tahun ini?

0. Tidak 1. Ya ☐ 36

↓

8) Sila berikan 3 tempat yang tuan/puan biasa kunjungi (iaitu luar daripada mukim ini), misalnya ke hospital, pejabat daerah, pekan untuk membeli barang-barang, dll.

| | Tempat | | Jauh (batu) | | Bagaimana | | | Sebab | | | Beberapa kali tahun ini |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 8.1 | ________ | 8.2 | 37 ☐☐ 38 | 8.3 | ________ | ☐ 39 | 8.4 | ________ | ☐ 40 | 8.5 | ☐☐ 42 |
| 8.6 | ________ | 8.7 | 43 ☐☐ 44 | 8.8 | ________ | ☐ 45 | 8.9 | ________ | ☐ 46 | 8.10 | ☐☐ 48 |
| 8.11 | ________ | 8.12 | 49 ☐☐ 50 | 8.13 | ________ | ☐ 51 | 8.14 | ________ | ☐ 52 | 8.15 | ☐☐ 54 |

---

Bagaimana

1 kereta/motosikal sendiri
2 kenderaan berkongsi
3 teksi
4 bas
5 jalan kaki
6 basikal
9 lain cara

Sebab

1 hari raya
2 membeli barang-barang keperluan
3 berniaga
4 urusan resmi/kerajaan
5 kesihatan serta beranak
6 bersiar-siar/jalan-jalan
7 kecemasan
9 lain sebab

| Kod isi rumah | Nama | Umur | Jarak dari sekolah (batu) | Cara Pengangkutan ke sekolah (Kod 1) | Adakah memasuki kelas bimbingan (kod 2) | Adakah terima bantuan (Kod 2) | Jumlah Perbelanjaan sebulan $ | Adakah menghadiri kelas tadika (Kod 2) | Nama sekolah | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | 0 6 |
| | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | |

Kod 1 :
- Kereta - 1
- Motosikal - 2
- Bas sekolah - 3
- Bas - 4
- Basikal - 5
- Berjalan - 6
- Lain - 9

Kod 2 :
- Ya - 1
- Tidak - 0